



NEGERI JOHOR

**PERATURAN-PERATURAN
DAN
PERINTAH-PERINTAH TETAP**

bagi

DEWAN NEGERI JOHOR

KANDUNGAN

*Peraturan Tetap
Bilangan*

Muka

PENDAHULUAN

1.	... Memilih Speaker	1
2.	... Peraturan Memilih Speaker	1
3.	... Sumpah Bagi Ahli-Ahli Dewan Negeri	2
4.	... Speaker Dewan Negeri Dan Pengerusi Jawatankuasa Bagi Keseluruh Dewan Negeri	3
5.	... Bahasa Dewan Negeri	3

PENGGAL-PENGGAL PERSIDANGAN DAN MESYUARAT-MESYUARAT

6.	... Penggal-Penggal Persidangan Dewan Negeri	3
7.	... Mesyuarat-Mesyuarat Dewan Negeri	4
8.	... Cukup-Bilang	4
9.	... Menangguhkan Mesyuarat	4
10.	... Menangguhkan Mesyuarat Dalam Jawatankuasa	4

ORANG-ORANG LUAR

11.	... Orang-Orang Luar	5
12.	... Kewajipan Jurutulis Dewan Negeri Mengenai Orang-Orang Luar	5
13.	... Mengeluarkan Orang-Orang Luar	5
14.	... Akhbar	5

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

15.	... Susunan Perkara-perkara Mesyuarat	6
-----	---------------------------------------	---

PERINGATAN-PERINGATAN

16.	...	Minit Mesyuarat	7
17.	...	Kandungan Minit-Minit Mesyuarat	7
18.	...	Buku Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat	7
19.	...	Menyimpan Peringatan	7

CADANGAN-CADANGAN BAGI BAHASAN

20.	...	Cadangan-Cadangan Bagi Bahasan	8
-----	-----	--------------------------------	---

SURAT-SURAT RAYUAN (PETITION)

21.	...	Surat-Surat Rayuan	8
-----	-----	--------------------	---

KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN

22.	...	Kertas-Kertas Yang Dibentangkan	9
-----	-----	---------------------------------	---

SOAL-SOAL

23.	(1)	Pemberitahu Soal-Soal	10
	(2)	Pemberitahu Soal-Soal Yang Singkat Masanya	
24.	...	Kepada Siapa Didatangkan Soal	10
25.	...	Tujuan Soal-Soal Dan Syarat-Syarat Yang Mesti Disempurnakan	10
26.	...	Cara-Cara Menyoal	12
27.	...	Jawapan-Jawapan	13

TANGGUHAN MESYUARAT

28. ... Menangguhkan Mesyuarat Ketika Kacau-Bilau Dan
Sebagainya 13

**PERKARA YANG TERTENTU MUSTAHAK
KEPADA AM**

29. ... Rundingan Menangguhkan Mesyuarat Kerana
Membahaskan Perkara Yang Mustahak Kepada Am 14

RUNDINGAN-RUNDINGAN

30. ... Pemberitahu Rundingan 15
31. ... Tidak Boleh Dibahaskan Apabila Telah Diberitahu 15
32. ... Rundingan-Rundingan Dengan Tidak Payah Diberitahu 15
33. ... Rundingan-Rundingan Yang Tiada Dicadangkan Setelah
Diberitahu Lebih Dahulu 16
34. ... Rundingan Yang Tidak Disokong 16
35. ... Mengundi Berkenaan Dengan Rundingan 17
36. ... Menarik Balik Rundingan 17
37. ... Rundingan-Rundingan Yang Telah Diputuskan 17

MEMINDA RUNDINGAN-RUNDINGAN

38. ... Meminda Rundingan Yang Dibentangkan Dengan Nama
Ahli 17
39. ... Peraturan-Peraturan Meminda Rundingan 17
40. ... Pindaan-Pindaan Hendaklah Bertulis 18
41. ... Meluluskan Pindaan 18
42. ... Aturan Mengundi Berkenaan Dengan Pindaan 18

CARA-CARA MEMBERITAHU

43.	...	Cara-Cara Memberitahu	18
44.	...	Meninggalkan Pemberitahu	19

PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS

45.	...	Peraturan-Peraturan Perbahasan	19
	(i)	Ahli Berdiri Bila Bercakap	19
	(ii)	Tidak Boleh Disampuk	19
	(iii)	Duduk Semula Apabila Habis Bercakap	19
	(iv)	Memilih Ahli Bercakap	20
	(vi)	Menepati Perkara Yang Dibahas	20
	(ix)	Ahli Tidak Boleh Bercakap Lebih Daripada Sekali	20
	(x)	Hak Menjawab	20
	(xi)	Rundingan Menutup Bahas	21
	(xii)	Ahli Yang Menyokong Rundingan	21
	(xiii)	Syakhsiah Dan Lain-Lain	21
	(xiv)	Faedah Tepat	21
46.	(1)	Menegur Supaya Ikut Peraturan Mesyuarat	22
	(2)	Aturan Ketika Berbangkit Perkara Menyalahi Peraturan Mesyuarat	22
	(3)	Ucapan Yang Terganggu Boleh Diteruskan	22
	(4)	Keputusan Speaker Adalah Muktamad	22
47.	...	Duduk Semula Apabila Speaker Atau Pengerusi Bercakap	22
48.	...	Mendahulukan Sesuatu	23
49.	...	Perbahasan Ditamatkan	23
50.	...	Peraturan Dalam Dewan Negeri	23

RANG UNDANG-UNDANG

51.	...	Perkataan-perkataan Undang-undang	25
52.	...	Mengisytiharkan Rang Undang-undang	25
53.	...	Pemberitahu Bagi Menzahirkan Rang Undang-undang	25
54.	...	Memperkelilingkan Naskhah-naskhah Rang Undang-undang	25

PERJALANAN RANG UNDANG-UNDANG

55.	...	Bacaan Kali Yang Pertama	26
56.	...	Tiada Boleh Dibahas Dan Tiada Boleh Didapatkan Keputusan	26
57.	...	Nama Penuh Sahaja Dibacakan	26
58.	...	Pemberitahu Bacaan Kali Yang Kedua	26
59.	...	Bacaan Kali Yang Kedua (Dasar Sahaja Dibahaskan)	26
60.	...	Merujuk Rang Undang-Undang	26
61.	...	Rang Undang-Undang Dalam Jawatankuasa	27
62.	...	Peringkat Jawatankuasa	27
63.	...	Pindaan-Pindaan	27
64.	...	Pindaan-Pindaan Hendaklah Dengan Bertulis	27
65.	...	Susunan Pindaan-Pindaan	27
66.	...	Kehendak-Kehendak Pindaan-Pindaan	27
67.	...	Masa Menimbang Pindaan-Pindaan Mengenai Fasal Baharu.	28
68.	...	Mendapatkan Keputusan	28
69.	...	Jadual-Jadual	29
70.	...	Tangguhan	29
71.	...	Membahaskan Butir-Butir Sahaja	29
72.	...	Pindaan-Pindaan Dibawa Dengan Izin	29
73.	...	Menamatkan Peringkat Jawatankuasa	29
74.	...	Memaklumkan Kepada Dewan Negeri	29
75.	...	Rujuk Semula	29
76.	...	Merujuk Kepada Jawatankuasa Pilihan Atau Lain-Lain Jawatankuasa	30

77.	...	Peraturan Dalam Perkara Merujukkan Kesemua Sekali Rang Undang-Undang Kepada Sebuah Jawatankuasa Pilihan Atau Lain-Lain Jawatankuasa	30
78.	...	Merujukkan Berkenaan Dengan Fasal-Fasal Yang Tertentu	30
79.	...	Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Ketiga	31
80.	...	Pindaan Dalam Bacaan Kali Yang Ketiga	31
81.	...	Pindaan-Pindaan Biasa	31
82.	...	Bacaan Kali Yang Ketiga	31
83.	...	Menarik Balik Rundingan-Rundingan Atau Pindaan-Pindaan	31
84.	...	Menarik Balik Rang Undang-Undang	32

**MEMPERKENANKAN RANG
UNDANG-UNDANG**

85.	...	Rang Undang-Undang Disembahkan Bagi Diperkenankan	32
-----	-----	---	----

PEMASYHURAN

86.	...	Pemasyhuran Dalam Warta Kerajaan	32
-----	-----	----------------------------------	----

HAK-HAK PERSENDIRIAN

87.	...	Hak-Hak Persendirian	32
88.	...	Pemeriksaan Saksi-Saksi	33

**AHLI-AHLI TIADA BOLEH HADIR SEBAGAI
PEGUAM**

89.	...	Ahli-Ahli Tiada Boleh Hadir Sebagai Peguam	33
-----	-----	--	----

RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN

90.	...	Makna Rang Undang-Undang Persendirian	33
91.	...	Kecualian	33
92.	...	Rang Undang-Undang Persendirian Yang Mengenai Hak-Hak Persendirian	34
93.	...	Membentangkan Surat Rayuan	34
94.	...	Rang Undang-Undang Diserahkan Kepada Jurutulis Dewan Negeri	34
95.	...	Rang Undang-Undang Memberi Kuasa Membuat Kerja-Kerja Raya	34
96.	...	Bacaan Kali Yang Pertama	35
97.	...	Bacaan Kali Yang Kedua	35
98.	...	Bagaimana Rang Undang-Undang Boleh Dibantah	35
99.	...	Jawatankuasa Mengambil Keterangan Pembantah	36
100.	...	Peraturan Jawatankuasa	36
101.	...	Bacaan Kali Yang Ketiga	36
102.	...	Belanja-Belanja Mengecap	36

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Jawatankuasa Pilihan

103.	...	Lantikan	37
104.	...	Boleh Dilantik Pada Sebarang Peringkat	37
105.	...	Pengerusi	37
106.	...	Cukup-bilang	37
107.	...	Penyata Jawatankuasa	37
108.	...	Penyata Ahli Sedikit	37
109.	(1)	Penyata Dibentangkan Oleh Pengerusi	38
	(2)	Mengisytiharkan Penyata-penyata	38

JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA

110.	...	Jawatankuasa Kira-Kira Raya	38
------	-----	-----------------------------	----

SYARAT-SYARAT KEWANGAN

111.	...	Peranggaran Hasil Dan Belanja Tahunan	39
112.	...	Rang Undang-Undang Peruntukan: Jawatankuasa Bagi Keseluruh Dewan Negeri	39
113.	...	Penyata Berkenaan Dengan Pendahuluan- Pendahuluan Yang Diperbuat Daripada Kumpulan Wang Pendahuluan	41
114.	...	Rang Undang-Undang Peruntukan Tambahan	41

MENGUNDI

115.	...	Mengundi	42
116.	...	Peraturan Mengundi	42

LAIN-LAIN PERKARA

117.	...	Mengisytiharkan Keterangan-Keterangan	43
118.	...	Mengisytiharkan Perkara-Perkara Yang Dimesyuaratkan Dalam Dewan Negeri	43
119.	...	Ucapan-Ucapan Tangguhan Mesyuarat	43
120.	...	Kelakuan Ahli-Ahli Yang Tidak Bercakap	44
121.	...	Memberhentikan Sementara Perintah-Perintah Tetap	45
122.	...	Perjalanan Mesyuarat Atas Rang Undang-Undang Dan Rundingan-Rundingan Dan Jawatankuasa- Jawatankuasa Tetap Dan Beberapa Jawatankuasa- Jawatankuasa Yang Lain Hendaklah Kekal Memegang Jawatannya Dengan Tiada Mengendahkan Pemberhentian Dewan Negeri	45
123.	...	Pegawai-Pegawai Kerajaan Mengambil Bahagian Di Dalam Perjalanan Mesyuarat	46
124.	...	Cara-Cara Yang Dipakai Dalam Dewan Rakyat	46
125.	...	Pakaian	46
126.	...	Berjalan Kuat Kuasanya	46

PENDAHULUAN

1. Memilih Speaker.

Apabila jawatan Speaker itu kosong sama ada dengan sebab pemansuhan Dewan Negeri (yang kemudian daripada ini disebutkan dia sebagai “Dewan Negeri”) atau sebagainya maka hendaklah Dewan Negeri apabila sudah ada sahaja cukup bilang yang hadir memulakan kerja memilih Speaker itu.

2. Peraturan Memilih Speaker.

Ada pun peraturan memilih Speaker itu hendaklah seperti di bawah ini:

(1) Tiap-tiap seorang ahli yang hendak mencadangkan supaya seseorang ahli itu dipilih menjadi Speaker hendaklah menentukan lebih dahulu bahawa ahli yang tersebut itu sanggup menerimanya sekiranya ia dipilih dan hendaklah ia memaklumkan cadangannya itu dengan bertulis kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya dua puluh empat jam sebelum diadakan mesyuarat.

(2) Seorang ahli bangun berucap kepada Jurutulis Dewan Negeri mencadangkan supaya seorang ahli yang lain yang ada hadir di situ dilantik menjadi Speaker bagi Dewan Negeri itu dan membawa runding “iaitu.....(dengan menyebutkan nama ahli yang dicadangkannya itu) dijemput mengambil tempatnya di dalam Dewan Negeri ini sebagai Speaker”. Cadangan ini hendaklah disokong tetapi tidak dibenarkan dibahas.

(3) Jika hanya ada seorang sahaja yang telah dicadangkan dan disokong menjadi Speaker itu maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah dengan tidak payah membentangkan apa-apa soal lagi mengisytiharkan bahawa ahli yang tersebut itu telah dipilih menjadi Speaker. Jika ada lebih daripada seorang ahli yang telah dicadangkan dan disokong menjadi Speaker itu maka Dewan Negeri itu hendaklah memulakan kerja memilih Speaker itu dengan jalan undi rahsia.

(4) Bagi maksud hendak mengundi dengan rahsia itu Jurutulis Dewan Negeri hendaklah memberi kepada tiap-tiap seorang ahli yang hadir itu akan sekeping kertas undi bagi membolehkan tiap-tiap seorang ahli yang tersebut itu membubuh nama ahli yang hendak diundi olehnya itu. Selepas itu kertas-kertas undi itu hendaklah dilipatkan supaya tidak boleh dilihat nama-nama yang ada di dalamnya itu.

(5) Kertas-kertas undi itu hendaklah dipungut oleh Jurutulis Dewan Negeri atau oleh seseorang Pegawai Dewan Negeri yang telah diwakilkan olehnya dan hendaklah dihitung oleh Jurutulis Dewan Negeri di atas Meja Mesyuarat Dewan Negeri itu. Dalam perkara yang tersebut ini Jurutulis Dewan Negeri ada berkuasa boleh menolak apa jua kertas undi yang pada fikirannya adalah rosak. Keputusan mengundi itu hendaklah diisytiharkan oleh Jurutulis Dewan Negeri.

(6) (a) Apabila ada lebih daripada dua orang calon yang telah dicadangkan menjadi Speaker itu dan selepas daripada diadakan undi yang pertama maka tidak ada seorang calon pun yang mendapat undi yang lebih daripada jumlah kesemua sekali undi yang

telah diperolehi oleh lain-lain calon itu maka calon yang mendapat undi yang sedikit sekali hendaklah dikeluarkan daripada bilangan calon yang hendak dipilih itu dan hendaklah diundi semula dan calon yang mendapat sedikit sekali undi dalam satu-satu pengundian itu hendaklah dikeluarkan daripada bilangan calon yang hendak dipilih itu sehingga ada seorang calon yang mendapat lebih undi daripada lawannya atau lebih undi daripada jumlah kesemua sekali undi-undi yang telah diperolehi oleh lain-lain calon itu menurutlah halnya masing-masing.

(b) Apabila di dalam satu-satu pengundian yang diadakan di antara tiga orang calon atau lebih maka dua orang daripadanya telah mendapat undi yang sama banyak dan seseorang daripadanya mesti dikeluarkan daripada pemilihan itu mengikut kehendak Fasal (a) yang di atas ini maka peraturan bagi menentukan siapakah calon yang mesti dikeluarkan di antara dua orang calon yang telah mendapat undi yang sama banyak itu hendaklah dengan mencabut undi dan undi itu hendaklah dicabut mengikut apa jua kaedah yang ditentukan oleh Jurutulis Dewan Negeri.

(c) Apabila di dalam satu-satu pengundian di antara dua orang calon maka undi yang diperolehi oleh kedua-duanya adalah sama banyak maka hendaklah diundi semula dan jika selepas diundi semula maka didapati undi yang telah diperolehi oleh kedua-duanya itu adalah sama banyak juga maka peraturan bagi menentukan siapakah yang akan terpilih di antara kedua-duanya itu hendaklah dengan mencabut undi dan undi itu hendaklah dicabut mengikut apa jua kaedah yang ditentukan oleh Jurutulis Dewan Negeri.

(7) Tatkala kertas-kertas undi itu dihitungkan maka hendaklah mana-mana kertas undi yang sudah dihitungkan itu dimasukkan ke dalam satu kotak dan apabila seorang ahli itu telah diisytiharkan sebagai terpilih menjadi Speaker maka hendaklah kotak yang tersebut itu dimeterikan di hadapan Dewan Negeri itu dan disimpan di dalam jagaan Jurutulis Dewan Negeri selama satu bulan dan selepas itu melainkan ada lain-lain perintah yang diterima olehnya dari Dewan Negeri maka hendaklah Jurutulis Dewan Negeri itu membakar akan kertas-kertas undi yang tersebut itu dan membuat satu pengakuan kepada Dewan Negeri bahawa pekerjaan ini telah sempurna dijalankan olehnya.

(8) Ahli yang telah dipilih menjadi Speaker itu hendaklah dengan segera selepas dipilih akan dia itu mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangannya di hadapan Jurutulis Dewan Negeri di dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Yang Keenam kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895 ("yang kemudian daripada ini disebutkan dia sebagai Undang-undang Tubuh").

3. Sumpah bagi Ahli-Ahli Dewan Negeri.

Dikecualikan bagi maksud menyempurnakan kehendak Fasal 24 (1) dalam Bahagian Kedua bagi Undang-undang Tubuh itu maka seseorang ahli itu tidak boleh mengambil tempat atau mengundi di dalam Dewan Negeri itu sehingga ia telah mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangannya di hadapan Speaker atau jika tidak ada Speaker di hadapan ahli yang mengetuai Dewan Negeri itu di dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Yang Keenam kepada Undang-undang Tubuh itu:

Dengan dipersyaratkan iaitu tiap-tiap seorang yang diluluskan oleh Undang-undang boleh membuat ikrar sebagai ganti mengangkat sumpah di dalam perbicaraan atau perundangan bolehlah membuat ikrar yang demikian itu sebagai ganti mengangkat sumpah yang tersebut itu.

4. Speaker Dewan Negeri dan Pengerusi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri.

(1) (a) Jika Speaker ada hadir maka hendaklah ia mengetuai mesyuarat-mesyuarat Dewan Negeri.

(b) Apabila Jurutulis Dewan Negeri mengisytiharkan di Meja Mesyuarat bahawa Speaker tiada hadir maka Dewan Negeri boleh selepas dibawa akan satu rundingan oleh Menteri Besar meminta salah seorang daripada ahli-ahli yang ada hadir supaya mengetuai mesyuarat itu. Rundingan-rundingan yang tersebut hendaklah disokong tetapi tidak dibenarkan dibahas.

(2) Ahli yang mengetuai mesyuarat mengikut syarat-syarat dalam jumlahkata (1) (b) itu hendaklah diberi segala kuasa-kuasa Speaker sehingga Speaker sendiri ada hadir.

(3) Speaker jika ia hadir atau ahli yang telah dilantik oleh Dewan Negeri mengikut bagaimana yang tersebut di atas ini hendaklah menjadi Pengerusi apabila Dewan Negeri itu bertukar menjadi Jawatankuasa bagi keseluruh Dewan Negeri itu.

5. Bahasa Dewan Negeri.

Bahawa perjawatan bagi Dewan Negeri itu hendaklah Bahasa Melayu dengan dipersyaratkan iaitu bagi tempoh selama sepuluh tahun selepas hari Merdeka dan kemudian daripada itu sehingga Parlimen Persekutuan telah membuat lain-lain ketetapan maka Bahasa Inggeris bolehlah dipakai di dalam Dewan Negeri: dan dengan dipersyaratkan lagi iaitu bagi tempoh selama sepuluh tahun yang tersebut itu maka segala naskhah yang dipakai—

(a) bagi semua rang Undang-undang yang dizahirkan atau pindaan-pindaan kepadanya yang dibawa di dalam Dewan Negeri; dan

(b) bagi semua Undang-undang dan semua Undang-undang tambahan hendaklah di dalam Bahasa Inggeris.

**PENGGAL-PENGGAL PERSIDANGAN DAN
MESYUARAT-MESYUARAT**

6. Penggal-penggal Persidangan Dewan Negeri.

(1) Penggal-penggal Persidangan Dewan Negeri hendaklah diadakan pada apa jua masa dan tempat yang ditetapkan oleh Raja di dalam *Warta Kerajaan* dari satu masa ke satu masa.

(2) Penggal-penggal Persidangan Dewan Negeri hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap setahun supaya tidak diselangi oleh satu tempoh selama enam bulan di antara persidangan yang akhir dalam Penggal Persidangan yang lepas itu dengan Persidangan yang akan datang.

7. Mesyuarat-mesyuarat Dewan Negeri.

(1) Mesyuarat-mesyuarat Dewan Negeri di dalam satu Persidangan itu hendaklah diadakan pada apa jua harinya dan hendaklah dimulakan pada apa jua waktunya sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker.

(2) Jurutulis Dewan Negeri hendaklah mengirinkan surat pemberitahu mesyuarat kepada ahli-ahli sekurang-kurangnya genap dua puluh satu hari lebih dahulu daripada hari mengadakan mesyuarat itu tetapi jika ada sesuatu perkara yang mustahak disegerakan maka Speaker boleh menetapkan tidak payah dihantarkan surat pemberitahu mesyuarat yang tersebut itu dan jika berlaku yang demikian itu maka surat pemberitahu mesyuarat itu hendaklah dihantarkan dengan seberapa segera yang boleh.

(3) Jika didapati kesukaran pada mengadakan mesyuarat pada sebarang hari yang ditentukan itu maka bolehlah Dewan Negeri itu ditangguhkan kepada hari dan waktu yang akan ditetapkan oleh Speaker. Keputusan Speaker itu hendaklah dimaklumkan kepada tiap-tiap ahli dengan pemberitahu yang bertulis oleh Jurutulis Dewan Negeri jika boleh tidak kurang daripada lima hari yang telah ditentukan hendak diadakan mesyuarat itu.

8. Cukup-bilang.

Sekiranya ada bantahan daripada sebarang ahli yang hadir iaitu dengan sebab kurang daripada suku bilangan ahli-ahli yang ada hadir tidak termasuk Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu maka tidaklah boleh Dewan Negeri itu menjalankan apa-apa kerja melainkan hanyalah kerja menangguhkan mesyuarat itu sahaja.

9. Menangguhkan Mesyuarat.

Sesuatu mesyuarat Dewan Negeri itu bolehlah ditangguhkan pada bila-bila masa jua oleh Speaker atau oleh ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau oleh sebilangan besar daripada ahli-ahli yang hadir dan mengundi.

10. Menangguhkan Mesyuarat dalam Jawatankuasa.

Sekiranya pada masa menamatkan kerja bagi hari itu Dewan Negeri itu telah ditangguhkan pada ketika dalam persidangan Jawatankuasa maka apabila menyambungkan lagi mesyuarat Dewan Negeri itu maka hendaklah dimulakan sebagai Persidangan Mesyuarat Dewan Negeri semula.

ORANG-ORANG LUAR

11. Orang-orang Luar.

Jurutulis Dewan Negeri dibenarkan mengeluarkan surat-surat kebenaran masuk ke dalam bilik mesyuarat Dewan Negeri kepada sebarang orang yang telah dilakukan oleh sebarang ahli Dewan Negeri dan kepada lain-lain orang yang munasabah pada tadbirnya sekiranya ada cukup kerusi:

Dengan dipersyaratkan iaitu bilangan surat-surat kebenaran yang dikeluarkan itu hendaklah tidak melebihi daripada bilangan kerusi-kerusi yang ada disediakan.

12. Kewajipan Jurutulis Dewan Negeri mengenai orang-orang luar.

Jurutulis Dewan Negeri boleh sama ada ia sendiri atau memerintahkan orang lain menahan sesiapa jua orang luar yang didapatinya atau yang telah diadukan kepadanya berada di dalam bilik mesyuarat itu dengan tiada mempunyai surat kebenaran dan juga sesiapa jua orang luar yang berkelakuan biadab setelah dibenarkan masuk ke dalam bilik mesyuarat itu atau orang-orang luar yang tidak mahu keluar apabila mereka itu diperintahkan keluar pada masa Dewan Negeri atau sebarang Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu sedang bersidang.

13. Mengeluarkan orang-orang luar.

Sekiranya pada masa dalam Persidangan Dewan Negeri atau dalam Persidangan Jawatankuasa maka seseorang ahli bangun mengatakan ada orang luar hadir maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau Pengerusi menurutilah halnya masing-masing hendaklah dengan serta-merta membentangkan soal "iaitu orang-orang luar diperintahkan keluar" dengan tidak dibenarkan dibahas atau dipinda:

Dengan dipersyaratkan iaitu Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau Pengerusi boleh memerintahkan supaya orang luar itu keluar dari bilik mesyuarat bila-bila difikirkannya patut dan boleh memerintahkan supaya ditutup pintu-pintu bilik mesyuarat.

14. Akhbar.

Dengan tertakluk kepada syarat-syarat Peraturan 13 maka Speaker boleh memberi satu kebenaran am kepada wakil sebarang surat khabar hadir di Persidangan-persidangan Dewan Negeri dengan syarat jika didapati oleh Speaker bahawa pihak surat khabar itu ada menzahirkan kenyataan yang tidak munasabah atas perjalanan-perjalanan kerja mesyuarat maka kebenaran yang tersebut itu boleh dibatalkan.

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

15. Susunan Perkara-perkara Mesyuarat.

- (1) Susunan Perkara-perkara Mesyuarat hendaklah seperti di bawah ini:
 - (i) Upacara Speaker masuk ke Bilik Mesyuarat;
 - (ii) Doa yang dibacakan oleh Jurutulis Dewan Negeri;
 - (iii) Menjalankan kerja mengangkat sumpah;
 - (iv) Titah daripada Duli Yang Maha Mulia Raja;
 - (v) Pemasyhuran-pemasyhuran daripada Speaker;
 - (vi) Membentangkan surat-surat rayuan dan peringatan-peringatan;
 - (vii) Membentangkan kertas-kertas di atas Meja Mesyuarat termasuklah Penyata-penyata Jawatankuasa-Jawatankuasa;
 - (viii) Pemberitahu-pemberitahu rundingan (yang diberi dengan mulut);
 - (ix) Soal-soal yang telah diberitahu lebih dahulu dan jawabnya;
 - (x) Permintaan-permintaan kerana mendapatkan kebenaran hendak membawa rundingan supaya ditangguhkan mesyuarat Dewan Negeri dengan sebab ada perkara-perkara yang mustahak kepada am yang hendak disegerakan;
 - (xi) Sebarang Perundingan, Rang Undang-undang atau kerja-kerja lain yang difikirkan oleh Speaker patut didahulukan daripada kerja-kerja lain yang ada tinggal lagi;
 - (xii) Rundingan-rundingan yang telah diberitahu lebih dahulu;
 - (xiii) Rang Undang-undang.
- (2) Jurutulis Dewan Negeri hendaklah menghantarkan kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat yang mengandungi satu senarai Soal-soal, Rundingan-rundingan, Rang Undang-Undang dan lain-lain perkara yang telah dicadangkan bagi dirundingkan di dalam mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang itu kepada tiap-tiap seorang ahli Dewan Negeri sekurang-kurangnya genap tujuh hari lebih dahulu daripada diadakan Mesyuarat Dewan Negeri itu:

Dengan dipersyaratkan iaitu sekiranya Speaker telah mengakukan bahawa sesuatu perkara itu adalah mustahak disegerakan bagi faedah am maka bolehlah perkara itu dimasukkan ke dalam perkara-perkara yang dimesyuaratkan pada hari itu meskipun perkara yang tersebut ini tidak ada disebutkan di dalam kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat.

- (3) Dengan tiada mengendahkan apa jua syarat-syarat yang lain di dalam peraturan ini maka Dewan Negeri boleh dengan berundi khas menentukan sesuatu kerja itu dijalankan terlebih dahulu dengan tidak mengikut susunan yang telah ditentukan dan satu rundingan mengundi yang demikian itu boleh dijalankan dengan tiada payah diberitahu lagi dan hendaklah didahulukan daripada segala kerja-kerja yang lain.

PERINGATAN-PERINGATAN

16. Minit Mesyuarat.

Minit-minit Mesyuarat hendaklah disimpan bagi segala kerja-kerja mesyuarat Dewan Negeri.

17. Kandungan Minit-minit Mesyuarat.

(1) Jurutulis Dewan Negeri hendaklah menyimpan Minit-minit bagi segala kerja-kerja mesyuarat Dewan Negeri dan mesyuarat Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu dan satu salinan Minit Mesyuarat yang lebih dahulu hendaklah dikirirkan kepada tiap-tiap ahli jika boleh tujuh hari genap sebelum diadakan mesyuarat.

(2) Minit-minit itu hendaklah menyebutkan nama ahli-ahli yang hadir dan semua keputusan-keputusan mesyuarat dan hendaklah ditandatangani oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

(3) Sekiranya undi berpihak telah diambil oleh mesyuarat Dewan Negeri atau mesyuarat Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu maka hendaklah dimasukkan di dalam Minit-minit itu bilangan ahli-ahli yang mengundi menyokong dan yang mengundi melawan atau ahli-ahli yang tidak mengundi serta nama ahli-ahli yang mengundi dan yang tidak mengundi.

18. Buku Susunan Perkara-perkara Mesyuarat.

Jurutulis Dewan Negeri hendaklah menyediakan dari sehari ke sehari dan menyimpan satu buku Susunan Perkara-perkara Mesyuarat menunjukkan segala kerja-kerja mesyuarat yang ditentukan akan dijalankan pada suatu hari yang akan datang dan sebarang pemberitahu-pemberitahu atas Soal-soal, Rundingan-rundingan atau kerja-kerja lain yang akan dibuat pada suatu hari yang akan datang sama ada ditentukan hari itu atau tidak. Buku Susunan Perkara-perkara Mesyuarat itu hendaklah menunjukkan tarikh dan waktu diterima pemberitahu bagi tiap-tiap butir pekerjaan dan hendaklah sedia terbuka bagi pemeriksaan ahli-ahli pada waktu-waktu yang munasabah.

19. Menyimpan Peringatan.

Jurutulis Dewan Negeri hendaklah bertanggungjawab pada menyimpan Minit-minit, Peringatan-peringatan, Rang Undang-undang dan lain-lain surat yang telah dibentang di dalam Dewan Negeri dan kesemuanya ini hendaklah terbuka bagi pemeriksaan ahli-ahli Dewan Negeri dan lain-lain orang menurut ketentuan-ketentuan yang harus dibenarkan oleh Speaker.

CADANGAN-CADANGAN BAGI BAHASAN

20. Cadangan-cadangan bagi Bahasan.

Dengan tertakluk kepada syarat-syarat bagi Bahagian Kedua dalam Undang-undang Tubuh dan bagi Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap ini maka sebarang ahli Dewan Negeri boleh menzahirkan sesuatu Rang Undang-undang atau mencadangkan sesuatu rundingan bagi dibahaskan atau boleh membentangkan sesuatu surat rayuan (petition) kepada Dewan Negeri dan perkara itu hendaklah dibahaskan dan diputuskan mengikut Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dengan syarat iaitu:

- (a) Dikecualikan dengan akuan atau persertaan Raja yang disampaikan kepada Speaker maka Dewan Negeri itu tiada boleh membahaskan sebarang Rang Undang-undang, pindaan, rundingan atau surat rayuan yang pada timbangan Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu akan membelanjakan sebarang hasil Kerajaan atau wang Kerajaan Negeri atau membatalkan atau mengubah sebarang perbelanjaan mengenai hasil atau wang yang tersebut atau mengenakan, mengubah atau memansuhkan sebarang bayaran atau cukai; dan
- (b) Dikecualikan dengan kebenaran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu maka Dewan Negeri itu tiada boleh membahaskan sebarang rundingan atau surat rayuan yang pada timbangan Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu akan menahan sementara perjalanan Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri atau salah satu daripadanya.

SURAT-SURAT RAYUAN (PETITION)

21. Surat-Surat Rayuan.

- (1) Tiap-tiap surat rayuan yang dikehendaki dibentangkan di dalam Dewan Negeri itu hendaklah ditamatkan dengan satu permohonan yang menerangkan maksud-maksud am daripada orang yang merayu itu.
- (2) Dewan Negeri tidak boleh menerima sebarang surat rayuan-
 - (a) yang tiada dialamatkan kepada Dewan Negeri dan yang tidak mengandungi perkataan-perkataan yang sempurna dan beradab;
 - (b) yang tiada dibubuh sekurang-kurangnya satu tandatangan di atas kertas yang mengandungi permohonan atau ringkasan permohonan yang tersebut di dalam surat rayuan itu dan yang tiada dibubuh sekurang-kurangnya perkara permohonannya pada kepala tiap-tiap helai kertas yang ada ditandatangani itu;

- (c) yang berkehendakkan suatu perbelanjaan daripada wang Kerajaan atau yang bermohon supaya dihapuskan hutang wang Kerajaan melainkan telah dapat pengakuan daripada Raja;
 - (d) yang tiada menurut apa jua peraturan-peraturan yang ditentukan dari suatu masa ke suatu masa.
- (3) Suatu surat rayuan tidak boleh dibawa ke hadapan Dewan Negeri melainkan apabila telah diaku oleh Jurutulis Dewan Negeri bahawa keadaannya itu adalah menepati peraturan-peraturan mengenai surat-surat rayuan yang ada berjalan kuat kuasanya pada masa itu.
- (4) Ahli yang membawakan surat rayuan itu boleh mendatangkan rundingan supaya dibaca akan surat rayuan itu dan tatkala membawa rundingan yang tersebut itu hendaklah ia menerangkan dengan ringkas akan hal orang yang memasukkan surat rayuan itu, bilangan orang-orang yang ada membubuh tandatangannya, apa-apa tuduhan yang mengandungi di dalamnya dan maksud permohonan di dalam surat rayuan itu. Jika rundingan itu disokong dan diluluskan maka hendaklah Jurutulis Dewan Negeri membaca akan surat rayuan itu.
- (5) Segala surat-surat rayuan itu hendaklah diperintahkan supaya dibentangkan di atas Meja Mesyuarat Dewan Negeri dengan tiada payah mendapatkan keputusan terhadapnya lagi melainkan apabila ahli yang membawakan surat rayuan itu mendatangkan rundingan supaya dibaca atau dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pemilihan atau Jawatankuasa lain.
- (6) Apabila sesuatu surat rayuan itu dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa pemilihan atau Jawatankuasa lain maka sekalian orang yang ada hak atau faedah-faedah yang bersabit dengan sebarang tindakan atau Undang-undang yang dicadangkan di dalam surat rayuan itu boleh memberi keterangannya kepada Jawatankuasa itu sama ada ia sendiri hadir atau diwakili oleh Peguam jika dibenarkan oleh Jawatankuasa itu.

KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANGKAN

22. Kertas-kertas yang dibentangkan.

- (1) Semua kertas-kertas mesyuarat hendaklah dibentangkan oleh Menteri Besar atau Pengerusi bagi sesebuah Jawatankuasa Dewan Negeri dan perkara membentangkannya itu hendaklah dimasukkan ke dalam Minit Mesyuarat.
- (2) Menteri Besar atau Pengerusi Jawatankuasa yang tersebut, menurutlah halnya masing-masing, yang membentangkan sesuatu kertas itu boleh menerangkan dengan ringkas akan kandungan kertas itu tetapi tidak boleh dikeluarkan apa-apa fikiran dan tidak boleh diadakan perbahasan.
- (3) Semua kertas-kertas itu hendaklah diperintahkan supaya dibentang di atas Meja Mesyuarat dengan tiada payah mendapatkan keputusan terhadapnya lagi.

SOAL-SOAL

23. Pemberitahu Soal-soal.

(1) Seseorang ahli yang berhajat mendatangkan sesuatu soal dalam sesuatu perkara (dikecualikan dalam perkara-perkara yang mustahak keadaannya dan dengan izin Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu) hendaklah memberitahu dengan menghantarkan salinan soal itu kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya empat belas hari genap lebih dahulu daripada hari ia hendak mendatangkan soal itu.

Pemberitahu soal-soal yang singkat masanya.

(2) Seseorang ahli boleh mendatangkan soal yang dijawab dengan mulut dengan memberitahu dalam masa yang singkat berkenaan dengan sebarang perkara di dalam kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat bagi mesyuarat yang hendak didatangkan soal itu. Satu salinan pemberitahu soal yang singkat masanya itu hendaklah dihantarkan kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya tiga hari genap sebelum mesyuarat. Hanyalah Speaker sahaja yang boleh memutuskan sama ada pemberitahu soal yang singkat masanya itu boleh dibenarkan atau tidak.

24. Kepada siapa didatangkan Soal.

(1) Soal-soal boleh didatangkan kepada Menteri Besar berkenaan dengan -

- (a) Hal ehwal yang di dalam tanggungjawab jawatannya, atau
- (b) Sesuatu rang Undang-undang, Rundingan atau lain-lain perkara awam yang bersabit dengan kerja-kerja Dewan Negeri atau sebarang perkara pentadbiran.

(2) Soal-soal boleh juga didatangkan kepada ahli-ahli yang lain daripada Menteri Besar berkenaan dengan sesuatu rang Undang-undang, Rundingan atau lain-lain perkara awam yang bersabit dengan kerja-kerja Dewan Negeri yang jadi tanggungan bagi ahli-ahli yang tersebut itu.

25. Tujuan Soal-soal dan Syarat-syarat yang mesti disempurnakan.

(1) Tujuan yang sebenar didatangkan soal itu ialah hendak mendapatkan keterangan yang betul berkenaan dengan perkara-perkara yang sebenarnya diketahui oleh Menteri Besar atau ahli yang dialamatkan soal kepadanya itu dan sesuatu soal itu tidak boleh sekali-kali dijadikan sebab bagi menerbitkan perbahasan.

(2) Dengan tidak mengganggu syarat-syarat yang lebih dahulu soal-soal mestilah menurut syarat-syarat yang di bawah ini -

- (a) Sesuatu soal itu tidak boleh menyebutkan nama sesiapa atau kenyataan-kenyataan yang tidak berapa mustahak bagi menerangkan maksud soal itu;

- (b) Jika sesuatu soal itu ada mengandungi sesuatu kenyataan maka ahli yang menyoal itu mestilah bertanggungjawab di atas kebetulan kenyataan itu;
 - (c) Sesuatu soal itu tidak boleh mengandungi sebarang hujah, sangkaan, tohmah atau perkataan-perkataan yang membayangkan keburukan kelakuan seseorang atau perkataan-perkataan yang menyindir atau mengejek;
 - (d) Sesuatu soal itu tidak boleh meminta supaya diberi fikiran atau diberi jalan bagi menghuraikan sesuatu masalah yang berkait dengan perkara Undang-undang atau yang berkait dengan perkara yang di dalam jagaan sahaja;
 - (e) Sesuatu soal itu tidak boleh didatangkan berkenaan dengan tingkah laku atau perangai seseorang melainkan mengenai perkara-perkara yang di dalam jawatannya sahaja;
 - (f) Sesuatu soal itu tidak boleh didatangkan bagi membayangkan tingkah laku atau perangai seseorang yang tingkah laku dan perangnya itu hanyalah boleh dicabar dengan jalan mendatangkan suatu rundingan yang tertentu;
 - (g) Sesuatu soal itu tidak boleh didatangkan berkenaan dengan perkara yang masih ada di dalam timbangan Mahkamah;
 - (h) Sesuatu soal itu tidak boleh didatangkan untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan sebarang perkara yang keadaannya itu adalah rahsia;
 - (i) Sesuatu soal yang telah dijawab dengan sepenuh-penuhnya tidak boleh didatangkan lagi di dalam Penggal Persidangan itu juga;
 - (j) Sesuatu soal itu tidak boleh ditanya berkenaan kenyataan-kenyataan dalam media atau yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya sendiri atau badan-badan kewangan adalah tepat.
- (3) Dengan tiada mengendahkan apa-apa jua yang terkandung di atas ini Menteri Besar atau ahli yang dialamatkan soal kepadanya itu boleh dengan persetujuan Speaker enggan menjawab soal yang tersebut itu dengan alasan bagi faedah am dan keengganan yang demikian itu tidak boleh dibahas atau disoal lagi.
- (4) Hanya Speaker sahaja boleh memutuskan sama ada sesuatu soal itu boleh dibenarkan atau tidak menurut Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dan boleh menegah daripada diterima akan sebarang soal sekiranya soal itu ada melanggar salah satu daripada Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dan lagi ia boleh menegah daripada diterima akan sebarang soal jika pada fikirannya bahawa soal itu adalah melanggar hak menyoal atau adalah bertujuan untuk menyekat atau menghalang perjalanan mesyuarat Dewan Negeri.

(5) Speaker boleh menurut timbangannya memerintahkan supaya sebarang soal itu hendaklah dijawab di dalam mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang yang tarikhnya akan ditetapkan olehnya dan tidak di dalam mesyuarat yang telah didatangkan soal yang tersebut itu.

(6) Apabila sesuatu soal yang didatangkan itu adalah merujuk kepada sesuatu perkara yang di dalam jajaan Kerajaan Persekutuan atau sebarang Jabatan Persekutuan mengikut kuat kuasa Perlembagaan Persekutuan maka Speaker boleh enggan membenarkan soal yang tersebut itu atau jika pada fikirannya bahawa soal itu adalah mengenai satu perkara yang banyak bersangkutan-paut dengan faedah tempatan maka bolehlah ia memerintahkan supaya soal itu dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan dan jawapannya dibentangkan di dalam mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang.

(7) Soal-soal tidak boleh dibenarkan apabila jawabnya sudah pun diketahui oleh ahli itu dari jawatannya di dalam sebarang Jawatankuasa bagi Dewan Negeri atau daripada sebarang jawapan yang telah diberi kepada sebarang soal yang terdahulu sama ada yang didatangkan oleh ahli yang menyoal itu atau tidak, akan tetapi adalah dipersyaratkan iaitu sekiranya ahli yang mendatangkan soal itu tidak menjadi ahli pada masa keterangan itu diberi maka pada tatkala itu Jurutulis Dewan Negeri hendaklah memberi satu salinan bagi keterangan yang tersebut itu kepada ahli itu.

(8) Tegahan terhadap sesuatu soal berserta dengan sebab-sebabnya sekali hendaklah dimaklumkan oleh Jurutulis Dewan Negeri kepada ahli yang berkenaan itu dengan bertulis.

26. Cara-cara Menyoal.

(1) Sesuatu soal itu tidak boleh didatangkan dengan tidak memberitahu lebih dahulu bagaimana yang dipersyaratkan dalam Peraturan 23 bagi Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dikecualikan soal-soal itu adalah mustahak keadaannya dan ahli itu sudah pun mendapatkan izin Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu sebagaimana yang dipersyaratkan di dalam peraturan itu.

(2) Seseorang ahli yang berkehendakkan jawab mulut kepada sesuatu soal itu hendaklah menandakan di atas pemberitahunya "Jawab Mulut". Jika soal itu tidak ditandakan demikian maka Menteri Besar atau ahli yang dialamatkan kepadanya soal itu hendaklah memberi jawab yang bertulis melalui Jurutulis Dewan Negeri. Dengan syarat pada sekali mesyuarat:

- (i) Seseorang ahli tidak boleh mengemukakan lebih daripada enam soal yang mengkehendaki "Jawab Mulut" dan lebih daripada lima soal yang mengkehendaki jawapan bertulis;
- (ii) Sesuatu soal itu tidak boleh mengandungi pecahan soal atau dua soal yang berlainan; atau
- (iii) Sesuatu soal tersebut tidak boleh melebihi empat puluh perkataan.

(3) Apakala sampai waktu mendatangkan soal-soal maka Speaker atau ahli yang mengetahui mesyuarat itu hendaklah berseru kepada tiap-tiap ahli yang ada namanya di dalam kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat itu berkehendakkan soal-soalnya itu dijawab mulut. Ahli yang diseru namanya itu hendaklah bangun di tempatnya dan mendatangkan soal dengan merujukkan bilangannya di dalam kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat dan Menteri Besar atau ahli yang dialamatkan kepadanya soal itu hendaklah bangun memberi jawabannya.

(4) Jika ahli yang berhak menerima jawapan mulut itu tiada bangun dan mendatangkan soalnya maka bolehlah sebarang ahli yang lain mendatangkan soal itu sebagai soalnya sendiri dan bangun di tempatnya dan mendatangkan soal itu mengikut kaedah yang disebutkan di atas ini.

(5) Sebarang ahli boleh mendatangkan satu tambahan soal bagi maksud hendak menerangkan lagi sesuatu perkara yang telah diberi jawab mulut itu tetapi sesuatu tambahan soal itu tidak boleh sekali-kali digunakan kerana menerbitkan sesuatu perkara baharu yang tidak termasuk di dalam soal yang asal itu.

(6) Speaker atau ahli yang mengetahui mesyuarat itu hendaklah menegah sebarang tambahan soal jika pada fikirannya bahawa tambahan soal itu adalah melanggar salah satu daripada Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap dalam perkara soal-soal. Dan lagi ia boleh menegah sebarang tambahan soal jika pada fikirannya bahawa tambahan soal itu adalah melanggar hak menyoal atau adalah bertujuan untuk menyekat atau menghalang perjalanan mesyuarat Dewan Negeri.

27. Jawapan-jawapan.

(1) Tat kala menjawab sebarang soal Menteri Besar atau ahli yang dialamatkan kepadanya soal yang tersebut itu tidak boleh membahaskan perkara yang berkenaan dengan soal itu.

(2) Jawapan-jawapan kepada soal-soal yang ditandakan “Jawab Mulut” itu boleh dibaca dan dalam perkara yang demikian itu satu salinan jawab yang bertulis hendaklah dengan serta-merta diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri.

TANGGUHAN MESYUARAT

28. Menangguhkan Mesyuarat ketika kacau-bilau dan sebagainya.

Sesuatu mesyuarat Dewan Negeri itu boleh ditangguhkan pada bila-bila masa oleh Speaker atau ahli yang mengetahui mesyuarat itu dengan tiada payah didapatkan keputusan terhadapnya lagi dan terutama sekali pada ketika berlaku kacau-bilau besar di dalam Dewan Negeri bolehlah Speaker atau ahli yang mengetahui mesyuarat itu menangguhkan mesyuarat Dewan Negeri itu dengan tiada payah didapatkan keputusan terhadapnya lagi atau memberhentikan sementara sesuatu persidangan mesyuarat itu bagi suatu tempoh yang ditetapkan olehnya.

PERKARA YANG TERTENTU MUSTAHAK KEPADA AM

29. Rundingan Menangguhkan Mesyuarat kerana Membahaskan Perkara yang Mustahak kepada Am.

(1) Rundingan bagi menangguhkan mesyuarat Dewan Negeri kerana hendak membahaskan suatu perkara yang tertentu mustahaknya kepada am tiada boleh sekali-kali diperbuat melainkan apabila sampai pada peringkat menjalankan perkara-perkara yang hendak dimesyuaratkan itu yakni setelah sempurna sahaja segala soal-soal diselesaikan seorang ahli bangun di tempatnya dan menyatakan ia meminta izin membawa rundingan supaya ditangguhkan mesyuarat Dewan Negeri itu bagi maksud hendak membahaskan suatu perkara yang tertentu mustahaknya kepada am dengan menyatakan sekali perkaranya itu dan menyerahkan satu kenyataan yang bertulis dalam perkara yang hendak dibahaskan itu kepada Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

(2) Jika pada fikiran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu bahawa rundingan itu adalah menepati dengan kehendak Peraturan ini maka hendaklah ia pada masa itu juga membacakan kenyataan yang telah diserahkan kepadanya dan meminta ahli-ahli yang menyokong rundingan itu bangun di tempat masing-masing dan jika ada tidak kurang daripada sepuluh orang ahli yang bangun maka hendaklah ia menyeru kepada ahli yang hendak membawa rundingan itu supaya membawa rundingannya sama ada pada masa itu juga atau pada masa sebelum diberhentikan kerja-kerja mesyuarat Dewan Negeri pada hari itu menurutlah bagaimana yang ditetapkan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

(3) Apabila tamat sahaja perbahasan terhadap sesuatu rundingan yang demikian itu maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu boleh, dengan tiada payah didapatkan keputusan terhadapnya lagi, menangguhkan mesyuarat Dewan Negeri itu ataupun memerintahkan supaya disambung semula kerja-kerja mesyuarat itu pada enggat yang telah berhenti tadi.

(4) Sesuatu perkara yang dibawa mengikut peraturan ini tetapi tiada berjaya mendapatkan sokongan yang dikehendaki itu tidak boleh dibawa lagi menurut peraturan ini dalam tempoh dua belas bulan selepas itu dan demikian juga tidak boleh didatangkan sesuatu perbahasan dengan jalan ini terhadap perkara-perkara yang sudah pun dibahaskan oleh Dewan Negeri dalam tempoh dua belas bulan yang lalu sama ada dengan suatu rundingan yang telah lalu kerana menangguhkan mesyuarat atau dengan suatu pindaan atau dengan sesuatu Susunan Perkara-perkara Mesyuarat ataupun dengan perkara-perkara yang telah diberitahu untuk dibahaskan atau yang telah dimasukkan sebagai suatu Susunan Perkara-perkara Mesyuarat sungguhpun pemberitahu atau Susunan Perkara Mesyuarat itu telah ditarik balik lebih dahulu di dalam persidangan itu juga atau atas suatu perkara kebebasan atau atas sebarang perkara yang tidak boleh dibahaskan melainkan dengan didatangkan suatu rundingan yang tertentu.

(5) Tiada lebih daripada satu rundingan yang dibawa menurut peraturan ini boleh didatangkan pada satu-satu mesyuarat.

RUNDINGAN-RUNDINGAN

30. Pemberitahu Rundingan.

- (1) Cadangan-cadangan hendaklah dibawa ke dalam Dewan Negeri dengan secara rundingan.
- (2) Dikecualikan dengan kebenaran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi maka rundingan asal yang lain daripada rundingan yang disebutkan di dalam Peraturan 32 itu tidak boleh sekali-kali dibawa ke dalam mesyuarat melainkan pemberitahu yang bertulis bagi rundingan yang tersebut itu telah dihantarkan kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya empat belas hari genap terlebih dahulu:

Dengan dipersyaratkan iaitu tatkala Dewan Negeri sedang bersidang maka pemberitahu bagi sesuatu rundingan yang mengenai sesuatu perkara yang mustahak disegerakan itu bolehlah diberi dengan mulut sahaja setelah mendapat kebenaran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

31. Tidak boleh dibahaskan apabila telah diberitahu.

Tidak boleh diadakan bahas tatkala membuat pemberitahu bagi membawa sebarang rundingan.

32. Rundingan-rundingan dengan tidak payah diberitahu.

Rundingan-rundingan yang tersebut di bawah ini boleh dibawa ke dalam mesyuarat dengan tidak payah diberitahu terlebih dahulu:

- (i) Suatu rundingan bagi meminda sebarang rundingan yang sedang dibahaskan di dalam Dewan Negeri;
- (ii) Suatu rundingan kerana menangguhkan Dewan Negeri atau menangguhkan perbahasannya;
- (iii) Suatu rundingan kerana memberhentikan sementara Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap yang dibawa dengan izin Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat;
- (iv) Suatu rundingan supaya suatu surat rayuan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat atau dicetak atau dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa atau ditolak;
- (v) Suatu rundingan supaya orang-orang luar undur dari bilik mesyuarat;
- (vi) Suatu rundingan supaya Dewan Negeri itu berpindah menjadi Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri;
- (vii) Suatu rundingan yang diadakan tatkala Dewan Negeri itu bersidang dalam Jawatankuasa;

- (viii) Suatu rundingan yang diaku mustahak oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat dan disokong oleh Sepuluh orang ahli yang bangun pada tempatnya masing-masing;
- (ix) Suatu rundingan kerana memberhentikan sementara akan seorang ahli;
- (x) Suatu rundingan yang diperbuat menurut Peraturan-peraturan Perintah-perintah Tetap dalam perkara aturan mengenai Rang Undang-undang;
- (xi) Suatu rundingan bagi menjalankan sesuatu perkara yang tertentu dengan tidak mengikut Susunan Perkara-perkara Mesyuarat;
- (xii) Suatu rundingan oleh Menteri Besar menurut syarat-syarat bagi Peraturan 4.

33. Rundingan-rundingan yang tiada dicadangkan setelah diberitahu lebih dahulu.

(1) Apabila sesuatu rundingan yang telah diberitahu terlebih dahulu ada ditunjukkan sebagai satu Susunan Perkara Mesyuarat maka hendaklah rundingan itu dicadangkan apabila sampai masanya atau pada bila-bila masa jua mengikut bagaimana yang diperintahkan oleh Dewan Negeri dan jika rundingan itu tidak dicadangkan pada masa yang ditentukan itu maka tidaklah boleh dibahaskan akan dia dan hendaklah disifatkan akan dia sebagai telah ditarik balik dan suatu ingatan menyatakan rundingan itu telah ditarik balik hendaklah dimasukkan dalam Minit Mesyuarat.

(2) Seseorang ahli boleh memberitahu dengan bertulis kepada Jurutulis Dewan Negeri menarik balik sebarang pemberitahu bagi rundingan yang telah dihantar olehnya terlebih dahulu.

(3) Apabila sesuatu pemberitahu bagi rundingan itu telah ditarik balik seperti yang disebutkan itu selepas daripada rundingan yang berkenaan itu telah dimasukkan sebagai satu Susunan Perkara Mesyuarat maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah dengan seberapa segera yang boleh memberitahu hal yang tersebut itu kepada tiap-tiap seorang ahli dan setelah itu rundingan yang tersebut itu tidak boleh dicadangkan lagi tetapi hendaklah dibiarkan dia tinggal begitu sahaja di dalam kertas Susunan Perkara-perkara Mesyuarat itu dan apabila sampai masanya Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mengisytiharkan bahawa rundingan itu adalah disifatkan sebagai telah ditarik balik dan satu ingatan mengenai hal itu hendaklah dimasukkan dalam Minit Mesyuarat.

34. Rundingan yang tidak disokong.

Tiap-tiap rundingan mestilah disokong dikecualikan rundingan yang dicadangkan di dalam persidangan Jawatankuasa. Jika tidak disokong rundingan itu tidak boleh dibahaskan dan hendaklah disifatkan kalah. Suatu ingatan menyatakan rundingan itu telah kalah hendaklah dimasukkan dalam Minit Mesyuarat.

35. Mengundi berkenaan dengan rundingan.

Apabila sesuatu rundingan itu telah dibawa dan disokong dan perbincangan mengenai itu telah selesai maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mendapatkan keputusan mesyuarat terhadap rundingan itu.

36. Menarik balik rundingan.

Sesuatu rundingan yang telah dibawa dan disokong boleh ditarik balik dengan izin Dewan Negeri tetapi jika telah ditarik balik rundingan itu boleh dibawa semula dalam sebarang mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang dengan memberitahu terlebih dahulu sebagaimana yang dikehendaki.

37. Rundingan-rundingan yang telah diputuskan.

Apabila sesuatu cadangan itu telah dicadangkan, dibahas dan diputuskan maka tidaklah boleh bagi seseorang ahli dengan tiada mendapat kebenaran khas daripada Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu membawa suatu cadangan lain yang mengandungi sama kehendak dan tujuannya di dalam tempoh Penggal Persidangan yang sedang berjalan itu.

MEMINDA RUNDINGAN-RUNDINGAN

38. Meminda rundingan yang dibentangkan dengan nama ahli.

Jika seseorang ahli berkehendak mengubah perkataan-perkataan bagi sesuatu rundingan yang dibentangkan dengan namanya maka bolehlah ia berbuat demikian dengan menyerahkan di Meja Mesyuarat suatu pemberitahu rundingan yang telah dipinda dengan syarat pada fikiran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu bahawa pindaan yang tersebut itu tidak mengubah dasar yang terkandung di dalam rundingan yang asal itu atau tujuannya pemberitahu rundingan itu hendaklah berjalan tempohnya dari masa dihantarkan pemberitahu yang asal itu.

39. Peraturan-peraturan meminda rundingan.

- (1) Sesuatu pindaan itu mestilah menepati dengan perkara yang dicadangkan itu.
- (2) Sesuatu pindaan itu mestilah jangan membangkitkan sebarang perkara yang hanya boleh dibangkitkan dengan suatu rundingan yang tersendiri setelah diberitahu terlebih dahulu.
- (3) Sesuatu pindaan kepada sesuatu perkara itu mestilah jangan berlawanan dengan keputusan yang telah lalu dalam perkara itu juga yang telah diperbuat di dalam peringkat yang sama bagi sebarang Rang Undang-undang atau perkara.
- (4) Sesuatu pindaan itu hendaklah jangan serupa maksudnya dengan suatu pindaan yang telah dicadangkan oleh seorang ahli lain.

(5) Sesuatu pindaan itu hendaklah jangan menafikan sama-sekali cadangan yang asal atau sebarang pindaan kepada cadangan itu.

(6) Tiap-tiap pindaan itu boleh dipinda dengan mencadangkan suatu pindaan yang lain.

40. Pindaan-pindaan hendaklah bertulis.

Semua pindaan-pindaan yang dibawa dan disokong di dalam Dewan Negeri atau yang dibawa di dalam persidangan Jawatankuasa itu hendaklah jika dikehendaki oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi diperbuat dengan bertulis oleh ahli yang membawa pindaan itu dan diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri.

41. Meluluskan Pindaan.

Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi sahaja yang boleh memberi keputusan sama ada boleh diluluskan atau tidak sesuatu pindaan itu.

42. Aturan mengundi berkenaan dengan pindaan.

Keputusan terhadap pindaan-pindaan kepada sesuatu cadangan itu hendaklah didapatkan terlebih dahulu sebelum didapatkan keputusan terhadap cadangan yang asal. Sekiranya ada pindaan-pindaan kepada sesuatu pindaan yang telah dicadangkan maka pindaan yang akhir sekali hendaklah dijalankan seolah-olah ia jadi cadangan yang asal sehingga semua pindaan kepada cadangan itu telah selesai dijalankan.

CARA-CARA MEMBERITAHU

43. Cara-cara memberitahu.

(1) Jika pemberitahu adalah dikehendaki dihantarkan menurut sebarang Peraturan dan Perintah Tetap maka pemberitahu yang tersebut itu hendaklah diperbuat dengan bertulis (dikecualikan jika Peraturan dan Perintah Tetap itu mensyaratkan tidak payah diperbuat demikian) dan hendaklah diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri di Meja Mesyuarat dalam masa Dewan Negeri sedang bersidang atau dihantarkan ke Pejabat Jurutulis Dewan Negeri dalam masa pejabatnya dibuka dan di dalam kedua-dua perkara ini hendaklah pemberitahu itu diserahkan sekurang-kurangnya empat belas hari genap lebih dahulu daripada hari mengadakan mesyuarat yang berkenaan dengan pemberitahu itu.

(2) Jurutulis Dewan Negeri hendaklah mencatatkan hari dan waktu ia menerima pemberitahu yang tersebut itu.

(3) Dikecualikan dengan ketetapan Speaker bahawa pemberitahu itu adalah menyalahi peraturan maka hendaklah pemberitahu itu dicap atau ditaip dan dikirirkan kepada ahli-ahli Dewan Negeri sekurang-kurangnya tujuh hari genap lebih dahulu daripada hari mengadakan mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang.

(4) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang disebutkan kemudian daripada ini maka tiap-tiap pemberitahu itu hendaklah dicap atau ditaip mengikut apa jua yang terkandung dalam pemberitahu yang diserahkan itu.

(5) Jika pada fikiran Speaker sesuatu pemberitahu itu ada mengandungi perkataan-perkataan yang tidak senonoh atau perkataan-perkataan yang tidak terang maka bolehlah ia memerintahkan supaya pemberitahu yang tersebut dirujuk balik kepada ahli yang berkenaan itu bersama-sama dengan apa jua pindaan atau perubahan mengikut bagaimana yang diperintahkan olehnya. Sekiranya ahli itu berkehendak menghantarkan semula pemberitahu yang telah dipinda atau diubah itu maka hendaklah ia menghantarkannya balik kepada Jurutulis Dewan Negeri.

44. Meninggalkan Pemberitahu.

Pemberitahu tidak boleh ditinggalkan sama ada kesemua sekali atau sebahagian daripadanya, berkenaan dengan sesuatu soal atau rundingan atau berkenaan dengan sebarang kerja mesyuarat yang lain yang dikehendaki ada pemberitahunya dikecualikan dengan kebenaran yang tertentu yang diberi oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi dengan alasan bahawa meninggalkan pemberitahu atau sebahagian daripadanya itu adalah mustahak bagi faedah am.

PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS

45. Peraturan-peraturan perbahasan.

Tatkala bercakap berkenaan dengan sesuatu cadangan yang ada ditimbangkan oleh Dewan Negeri atau oleh Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu maka peraturan-peraturan yang di bawah ini hendaklah diturut:

Ahli berdiri bila bercakap.

- (i) Tiap-tiap ahli dikecualikan Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi hendaklah berdiri bila bercakap dan hendaklah dihadapkan percakapannya itu kepada Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi.

Tidak boleh disampuk.

- (ii) Ia tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi peraturan mesyuarat;

Duduk semula apabila habis bercakap.

- (iii) Apabila ia telah habis bercakap maka hendaklah ia duduk semula dan sesiapa ahli lain yang hendak bercakap kepada Dewan Negeri atau kepada Jawatankuasa bolehlah bangun pula:

Memilih Ahli bercakap.

- (iv) Sekiranya lebih daripada seorang ahli bangun serempak maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi bolehlah menyeru kepada ahli yang mula-mula sekali terpancang olehnya:
- (v) Seseorang ahli itu tidak boleh membacakan ucapannya tetapi ia boleh membacakan cabutan-cabutan daripada kertas-kertas yang bertulis atau yang bercap bagi menyokong hujahnya dan ia boleh merujuk kepada catatan-catatan yang ada kepadanya untuk memulihkan semula ingatannya:

Menepati perkara yang dibahas.

- (vi) Tiap-tiap ahli itu hendaklah menumpukan percakapannya kepada perkara yang sedang ditimbangkan itu dan apabila lebih daripada satu perkara telah dicadangkan sebagai pindaan maka perbincangan itu hendaklah menepati dengan perkara yang akhir sekali dicadangkan itu sehingga telah diselesaikan akan dia;
- (vii) Sesuatu perkara yang masih berada di dalam timbangan Undang-undang tidak boleh sekali-kali disebut;
- (viii) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat sekiranya seseorang ahli mencuba hendak menghidupkan semula di dalam perbincangan akan sesuatu perkara yang telah diputuskan oleh Dewan Negeri dalam tempoh penggal persidangan yang sedang berjalan itu dikecualikan jika ada dibawa satu rundingan yang tertentu bagi membatalkan keputusan yang telah diperbuat di dalam perkara itu.

Ahli tiada boleh bercakap lebih daripada sekali.

- (ix) Seseorang ahli tiada boleh bercakap lebih daripada sekali berkenaan dengan apa jua cadangan yang dibentangkan di hadapan Dewan Negeri itu dikecualikan kerana memberi keterangan atau kerana menegur sesuatu perkara yang menyalahi peraturan mesyuarat atau kerana menjalankan hak menjawab perbincangan atau tatkala Dewan Negeri itu berada di dalam persidangan Jawatankuasa. Akan tetapi Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu boleh bercakap dalam mesyuarat itu pada sebarang masa.

Hak menjawab.

- (x) Seseorang ahli yang mula-mula sekali membawa sesuatu cadangan yang tertentu, dan juga seseorang ahli yang membawa sesuatu pindaan jika dibenarkan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu, boleh menjawab kemudian daripada sekalian ahli-ahli yang hadir telah dapat peluang memberikan fikirannya sebelum didapatkan keputusan di dalam perkara itu. Jawab-jawab yang tersebut itu hendaklah dirujuk semata-mata kepada fikiran-fikiran yang telah diterbitkan dalam masa diadakan perbincangan itu dan tidak boleh mengandungi sesuatu hujah yang baharu bagi menyokong rundingan itu. Apabila jawab-jawab yang tersebut sudah selesai diberi maka tidaklah boleh lain-lain ahli bercakap lagi.

Rundingan menutup bahas.

- (xi) Dengan kebenaran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu maka bolehlah sebarang ahli pada bila-bila masa jua dalam tempoh diadakan perbahasan itu membawa runding supaya didapatkan keputusan dalam perkara itu. Perbahasan di atas rundingan ini tidak boleh dibenarkan dan sekiranya rundingan yang tersebut itu diluluskan maka perbahasan hendaklah diberhentikan dan keputusannya hendaklah diambil.

Ahli yang menyokong rundingan.

- (xii) Seseorang ahli yang hanyalah menyokong suatu rundingan dengan tidak memberi apa-apa fikirannya yang lebih lanjut lagi tidaklah hilang haknya boleh bercakap dalam Dewan Negeri dalam masa dibahaskan rundingan itu.

Syakhsiah dan lain-lain.

- (xiii) Seseorang ahli itu tidak boleh sekali-kali –
 - (a) mendatangkan sangkaan-sangkaan yang tidak baik kepada seseorang ahli lain;
 - (b) menuduh ke atas diri seseorang ahli lain;
 - (c) menggunakan bahasa yang kesat;
 - (d) lajak dalam percakapannya yang mengganggu syakhsiah seseorang.

Faedah Tepat.

- (xiv) Seseorang ahli itu tidak boleh bercakap atas sebarang perkara yang ia ada faedah kewangan di dalamnya dengan tidak ia menzahirkan sebanyak mana faedahnya itu;
- (xv) Nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama sesiapa jua di antara Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu atau nama Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang atau Melaka atau nama sesiapa jua di antara Pemangku-Pemangku Raja atau ahli-ahli Pangkuan Raja bagi sesebuah Negeri Melayu tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Dewan Negeri;
- (xvi) Perangai atau tingkah-laku Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau sesiapa jua di antara Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu atau Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang atau Melaka atau sesiapa jua di antara Pemangku-Pemangku Raja atau Ahli Pangkuan Raja bagi sesebuah Negeri Melayu atau ahli-ahli Parlimen atau ahli-ahli Dewan Negeri atau Hakim-Hakim atau lain-lain orang yang bertanggungjawab pada menjalankan keadilan atau ahli-ahli bagi sebarang Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan Persekutuan atau ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh dibangkit dikecualikan atas sesuatu rundingan tertentu; dan dalam pindaan atau soal kepada seorang ahli atau kenyataan-kenyataan dalam perbahasan atas sesuatu rundingan yang mengenai sebarang perkara lain

maka sebutan tentang perangai atau tingkah-laku salah seorang daripada yang tersebut di atas ini adalah menyalahi peraturan mesyuarat.

- (xvii) Adalah menyalahi peraturan mesyuarat menggunakan -
- (a) kata-kata durhaka;
 - (b) kata-kata hasutan;
 - (c) kata-kata yang harus membangkitkan perasaan sakit hati atau permusuhan di antara berbagai-bagai kaum di dalam Persekutuan.

46. Menegur supaya ikut peraturan mesyuarat.

(1) Sebarang ahli yang tidak menurut Peraturan-peraturan Mesyuarat bolehlah ditegur dengan segera oleh Speaker atau oleh ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau oleh Pengerusi dan pada ketika itu hendaklah ahli itu duduk semula.

Aturan ketika berbangkit perkara menyalahi peraturan mesyuarat.

(2) Jika berbangkit perkara menyalahi peraturan mesyuarat maka sebarang ahli bolehlah bangun bercakap dengan serta-merta dengan dimulakan cakupnya mengatakan ia bangun itu kerana menegur perkara menyalahi peraturan mesyuarat. Ahli yang tengah bercakap tadi hendaklah duduk dengan serta merta. Demikian juga ahli yang menerangkan kesalahan peraturan mesyuarat itu hendaklah duduk apabila habis percakapannya kepada Pengerusi mesyuarat.

Ucapan yang terganggu boleh diteruskan.

(3) Ahli-Ahli yang lain tidak boleh bercakap berkenaan dengan perkara menyalahi peraturan mesyuarat kecuali dengan mendapat izin daripada Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau Pengerusi dan kemudian daripada habis sahaja keterangan yang diberi dalam perkara menyalahi peraturan mesyuarat itu maka hendaklah Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu atau Pengerusi memberi keputusannya dan setelah itu ahli yang mula-mula bercakap pada masa berbangkit perkara menyalahi peraturan mesyuarat itu adalah berhak boleh meneruskan ucapannya dengan mengikut apa jua keputusan yang telah diperbuat oleh Pengerusi mesyuarat.

Keputusan Speaker adalah muktamad.

(4) Apakala berbangkit sesuatu perkara sama ada seseorang ahli itu ada menurut peraturan mesyuarat atau tidak maka perkara itu hendaklah diputuskan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi dan keputusannya itu hendaklah disifatkan muktamad di dalam segala masalah berkenaan dengan peraturan dan tatatertib.

47. Duduk semula apabila Speaker atau Pengerusi bercakap.

Apabila Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi bercakap maka sesiapa jua ahli yang sedang bercakap hendaklah duduk semula dengan serta-merta di tempatnya.

48. Mendahulukan sesuatu.

(1) Adalah peraturan mesyuarat sekiranya dibawa suatu rundingan atau suatu pindaan bagi mendahulukan sesuatu perkara yang mengenai isi sesuatu Rang Undang-undang atau lain-lain perkara mesyuarat yang telah ditetapkan untuk ditimbang kemudian kelak; dan demikian jua sesuatu pindaan itu adalah menyalahi peraturan mesyuarat sekiranya pindaan itu bersabit dengan perkara yang mengenai dengan isi suatu rundingan yang telah diberitahu lebih dahulu.

(2) Sesuatu Susunan Perkara Mesyuarat, pemberitahu rundingan atau pindaan yang telah diberitahu lebih dahulu tidak boleh didahulukan dalam perbahasan atas sesuatu rundingan kerana menangguhkan Dewan Negeri.

49. Perbahasan ditamatkan.

(1) Seseorang ahli itu tidak boleh bercakap lagi atas sesuatu perkara selepas daripada perkara yang tersebut itu telah dikemukakan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi bagi diputuskan.

(2) Sesuatu perkara itu adalah sempurna dikemukakan bagi diputuskan apabila Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi telah mengumpulkan undi yang bersetuju dan yang tidak bersetuju.

50. Peraturan dalam Dewan Negeri.

(1) Pengerusi Mesyuarat setelah menarik perhatian Dewan Negeri atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan bolehlah memerintahkan ahli itu berhenti daripada bercakap.

(2) Pengerusi Mesyuarat hendaklah memerintahkan sesiapa jua ahli yang berkelakuan melampau-lampau supaya keluar dengan serta-merta dari Dewan Negeri sehingga habis mesyuarat pada hari itu dan Jurutulis Dewan Negeri hendaklah menjalankan apa jua perintah yang diterimanya daripada Pengerusi Mesyuarat menurut peraturan ini; tetapi jika pada bila-bila masa jua pada timbangan Pengerusi Mesyuarat iaitu kuasa-kuasanya menurut syarat-syarat yang lepas dalam peraturan ini tidak cukup maka bolehlah disebutkannya nama ahli atau ahli-ahli yang berkelakuan melampau-lampau itu dan dalam hal yang demikian ini hendaklah diikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan di dalam jumlah kata-jumlah kata (3), (4), (5) dan (6).

(3) Apabila seseorang ahli yang telah disebutkan namanya oleh Pengerusi Mesyuarat selepas sahaja ia melakukan kesalahan tidak mengindahkan kuasa Pengerusi Mesyuarat atau dengan berdegil-degil dan dengan sengaja mengganggu perjalanan Dewan Negeri dengan menggunakan peraturan-peraturan Dewan Negeri pada jalan yang salah atau sebagainya maka jika kesalahan itu dilakukan oleh ahli yang tersebut itu di dalam Dewan Negeri maka hendaklah suatu rundingan "iaitu Encikhendaklah ditahan daripada jawatannya dalam Dewan Negeri ini" dibawa dan disokong dengan serta-merta oleh dua orang daripada ahli-ahli yang hadir dan setelah itu hendaklah Speaker dengan serta-merta

mengemukakan rundingan itu untuk diputuskan dengan tidak dibenarkan dipinda atau ditangguhkan mesyuarat atau dibahaskan; dan jika kesalahan itu telah dilakukan dalam Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri maka hendaklah Pengerusi dengan serta-merta memberhentikan mesyuarat dan memberitahu perkara itu kepada Dewan Negeri; dan setelah didatangkan rundingan maka Speaker hendaklah serta-merta mengemukakan rundingan itu untuk diputuskan dengan tidak dibenarkan dipinda atau ditangguhkan mesyuarat atau dibahaskan seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di dalam Dewan Negeri itu sendiri.

(4) Tidak lebih daripada seorang ahli yang boleh disebutkan namanya serempak kecuali jika dua atau lebih daripada dua orang ahli yang hadir telah bersama-sama tidak mengindahkan kuasa Pengerusi mesyuarat.

(5) Jika seseorang ahli telah ditahan menurut syarat-syarat peraturan ini maka hendaklah ia diperintahkan oleh Speaker supaya keluar sehingga tamat mesyuarat itu.

(6) Jika seorang ahli atau dua orang atau lebih bersama-sama berbuat demikian telah ditahan jawatannya menurut peraturan ini ingkar daripada mengikut perintah Speaker menyuruh keluar iaitu setelah disuruh keluar seorang lepas seorang oleh Jurutulis Dewan Negeri mengikut bagaimana yang telah diperintahkan oleh Speaker itu maka hendaklah Speaker menarik perhatian Dewan Negeri bahawa terpaksa dijalankan langkah keras bagi memaksa ahli-ahli yang disuruh keluar itu mengikut perintahnya. Apabila ahli atau ahli-ahli yang telah disebutkan namanya oleh Speaker sebagai orang yang telah ingkar menurut perintahnya itu sudah dikeluarkan daripada Dewan Negeri itu maka dari ketika itu juga dengan tidak payah didapatkan keputusan lagi sekalian ahli-ahli yang tersebut itu ditahan jawatannya dalam Dewan Negeri sehingga habis penggal persidangan itu.

(7) Ahli-ahli yang telah diperintahkan keluar menurut jumlahkata (2) atau yang telah ditahan daripada jawatannya dalam Dewan Negeri menurut jumlah kata-jumlah kata (3) dan (6) itu hendaklah dengan serta-merta keluar dari bangunan Dewan Negeri dan tidak boleh masuk lagi sehingga habis persidangan itu atau selama tempoh ia ditahan daripada jawatannya dalam Dewan Negeri itu mengikutlah halnya masing-masing.

(8) Sekiranya berlaku kacau-bilau besar di dalam Dewan Negeri maka Speaker boleh menangguhkan Dewan Negeri itu dengan tidak payah didapatkan keputusan lagi jika difikirkannya mustahak diperbuat demikian ataupun memberhentikan persidangan itu bagi sementara mengikut bagaimana yang ditetapkan olehnya; dan sekiranya berlaku kacau-bilau besar dalam mesyuarat Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu maka Pengerusi boleh memberhentikan mesyuarat Jawatankuasa itu dan memberitahu hal itu kepada Dewan Negeri dan dengan itu juga Speaker boleh mengambil langkah soal-soal kacau-bilau itu telah berbangkit di dalam Dewan Negeri.

(9) Tiada suatu apa pun di dalam peraturan ini boleh menghapuskan kuasa Dewan Negeri pada menjalankan apa jua langkah terhadap seseorang ahli kerana melanggar sebarang peraturan mesyuarat yang tidak ada disebutkan di sini atau pada menjalankan apa jua langkah yang difikirkannya munasabah terhadap kesalahan-kesalahan melanggar peraturan mesyuarat yang ada disebutkan di sini.

RANG UNDANG-UNDANG

51. Perkataan-perkataan Undang-undang.

Semua Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri hendaklah dinamakan “Undang-undang” dan perkataan-perkataan yang dipakai bagi memperundang-undangkan Undang-undang itu hendaklah demikian bunyinya “Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor”:

Dengan dipersyaratkan iaitu perkataan-perkataan yang dipakai bagi memperundang-undangkan semua Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negeri mengikut kuat kuasa jumlah kata (5) bagi Fasal 5 bagi Bahagian Ketiga dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan itu hendaklah demikian bunyinya “Diperundang-undangkan oleh Dewan Negeri Johor dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan”.

52. Mengisytiharkan Rang Undang-undang.

Dikecualikan dalam perkara yang mustahak diaku dengan bertulis oleh Speaker maka tiap-tiap rang Undang-undang selain daripada rang Undang-undang persendirian hendaklah diisytiharkan dalam *Warta* Kerajaan bagi pengetahuan am sekurang-kurangnya empat belas hari lebih dahulu daripada dizahirkan rang Undang-undang itu di dalam Dewan Negeri.

53. Pemberitahu bagi menzahirkan rang Undang-Undang.

(1) Dikecualikan rang Undang-undang yang dizahirkan oleh Kerajaan maka hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya sebulan lebih dahulu jika ada seseorang ahli yang hendak menzahirkan sesuatu rang Undang-undang dan isi kandungan rang Undang-undang itu berserta dengan suatu peringatan menerangkan tujuan-tujuannya hendaklah dihantarkan kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya sebulan lebih dahulu daripada dizahirkan rang Undang-undang itu.

(2) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat jumlahkata (1) bagi peraturan ini maka pemberitahu berkenaan dengan maksud hendak menzahirkan sesuatu rang Undang-undang itu bolehlah diberi pada sebarang mesyuarat Dewan Negeri yang biasa atau boleh diberi dengan bertulis kepada Jurutulis Dewan Negeri.

54. Memperkelilingkan Naskhah-naskhah Rang Undang-Undang.

Dikecualikan dalam perkara rang Undang-undang yang mustahak disegerakan dengan akuan Speaker maka naskhah-naskhah yang bercap bagi semua rang Undang-Undang itu hendaklah dihantarkan oleh Jurutulis Dewan Negeri kepada tiap-tiap seorang ahli sekurang-kurangnya tujuh hari lebih dahulu daripada rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang pertama dan sekiranya ada berkenaan dengan perbelanjaan wang Kerajaan maka sesuatu peranggaran belanja yang akan dikenakan kepada Negeri kerana mengadakan rang Undang-undang itu jika boleh hendaklah dihantarkan kepada tiap-tiap ahli.

PERJALANAN RANG UNDANG-UNDANG

55. **Bacaan kali yang pertama.**

Ahli yang membawa rang Undang-undang itu hendaklah membawa runding supaya rang Undang-undang itu dibaca kali yang pertama.

56. **Tiada boleh dibahas dan tiada boleh didapatkan keputusan.**

Tatkala diadakan rundingan supaya rang Undang-undang itu dibaca kali yang pertama maka tidaklah dibenarkan sebarang perbincangan dan sekiranya rundingan itu disokong maka hendaklah rang Undang-undang itu dibacakan bagi kali yang pertama dengan tidak payah mengemukakan soal untuk mendapatkan keputusan.

57. **Nama penuh sahaja dibacakan.**

Pada ketika bacaan kali yang pertama bagi rang Undang-undang itu Jurutulis Dewan Negeri hendaklah membacakan namanya yang penuh sahaja.

58. **Pemberitahu bacaan kali yang kedua.**

Ahli yang membawa rang Undang-undang itu hendaklah memberitahu maksudnya hendak membawa runding akan bacaan kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang atau mesyuarat yang kemudian daripada itu:

Dengan dipersyaratkan iaitu bolehlah diberitahu maksud hendak membawa runding bacaan kali yang kedua akan rang Undang-undang peruntukan pada hari itu juga atau hari yang kemudian daripada itu.

59. **Bacaan kali yang kedua (Dasar sahaja dibahaskan).**

(1) Setelah dibawa rundingan yang mengatakan "Iaitu rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan setelah disokong maka bolehlah dibahaskan akan rundingan itu tetapi hendaklah dihadkan perbincangan itu kepada dasar-dasar dan faedah-faedah rang Undang-undang itu sahaja.

(2) Ahli yang membawa runding supaya dibaca kali yang kedua akan rang Undang-undang itu hendaklah mempunyai hak menjawab.

60. **Merujuk RANG Undang-undang.**

Apabila sesuatu rang Undang-undang itu telah dibaca bagi kali yang kedua maka hendaklah rang Undang-undang itu dirujuk kepada sesebuah Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri dikecualikan jika Dewan Negeri dengan membuat suatu rundingan telah merujuk rang Undang-undang itu kepada sebuah Jawatankuasa pilihan. Rundingan yang demikian itu tidak berkehendakkan supaya diberitahu lebih dahulu tetapi hendaklah diperbuat dengan serta-merta selepas sahaja rang Undang-

undang itu dibacakan kali yang kedua dan boleh dicadangkan oleh sebarang ahli. Soal bagi mendapatkan keputusan terhadap rundingan ini hendaklah dikemukakan pada masa itu juga dan hendaklah diputuskan dengan tidak ada pindaan atau perbahasan.

61. Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa.

Apabila sampai waktu menimbangkan suatu rang Undang-undang itu dalam Jawatankuasa maka Dewan Negeri hendaklah berpindah menjadi sebuah Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu kerana menimbangkan rang Undang-undang itu.

62. Peringkat Jawatankuasa.

Apabila sesuatu rang Undang-undang itu ditimbangkan dalam Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri Jurutulis Dewan Negeri bolehlah menyebutkan Fasal-fasal di dalam rang Undang-undang itu mengikut susunannya dengan membacakan bilangan bagi tiap-tiap satu fasal itu.

63. Pindaan-pindaan.

(1) Pindaan-pindaan boleh diperbuat kepada tiap-tiap satu fasal itu atau fasal-fasal itu boleh dibuang atau fasal-fasal baharu boleh ditambahkan dengan syarat hendaklah segala yang diperbuat itu ada bersabit dengan perkara dalam rang Undang-undang itu atau ada menepati dengan kehendak-kehendak Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap.

(2) Pemberitahu berkenaan dengan fasal baharu yang dicadangkan itu hendaklah diberi kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya dua hari lebih dahulu daripada diadakan persidangan dikecualikan jika Pengerusi berfikir bahawa pemberitahu yang tersebut itu tidak payah diperbuat.

64. Pindaan-pindaan hendaklah dengan bertulis.

Apabila seseorang ahli telah memberitahu atau menyatakan maksudnya hendak membawa suatu pindaan terhadap sesuatu fasal sama ada dengan menggantikan atau membuang akan dia atau telah memberitahu supaya satu fasal baharu ditambahkan maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi, mengikutlah halnya masing-masing bolehlah minta ahli yang tersebut itu menyebutkan perkataan-perkataan yang hendak digantikan atau dibuang atau fasal yang hendak ditambahkan itu dan tiap-tiap rundingan kerana membuat pindaan atau tambahan itu hendaklah, jika dikehendaki oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi, menurutlah halnya masing-masing, ditulis dalam bahasa "Melayu/Malay" dan diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri oleh ahli yang membawa rundingan itu.

65. Susunan pindaan-pindaan.

Jika lebih daripada satu pindaan kepada sesuatu fasal telah dicadangkan maka Pengerusi hendaklah mengemukakan pindaan-pindaan itu bagi diputuskan mengikut susunan-susunan yang betul.

66. Kehendak-kehendak pindaan-pindaan.

- (1) Sesuatu pindaan itu mestilah menepati dengan syarat-syarat yang tersebut di bawah ini –
- (a) Sesuatu pindaan itu hendaklah bersabit dengan perkara dalam rang Undang-undang itu dan juga dengan perkara yang disebutkan dalam fasal yang berkenaan itu;
 - (b) Sesuatu pindaan itu tidak boleh sekali-kali berlawanan dengan sebarang keputusannya yang telah diperbuat oleh Jawatankuasa;
 - (c) Sesuatu pindaan itu tidak boleh sekali-kali diperbuat hingga menjadikan sesuatu fasal yang akan dipinda itu tiada terang atau salah jalan bahasanya;
 - (d) Sekiranya sesuatu pindaan itu merujuk kepada sesuatu pindaan atau jadual yang terkemudian atau tiada terang dengan tidak ada sesuatu pindaan atau jadual yang terkemudian itu maka pemberitahu berkenaan dengan pindaan atau jadual yang terkemudian itu mestilah diberi lebih dahulu atau tatkala dibawa runding pindaan yang pertama itu supaya susunan pindaan-pindaan itu boleh difaham maksud-maksudnya dengan terang;
 - (e) Sesuatu pindaan yang bertujuan hendak membuang semua sekali kandungan dalam sesuatu fasal bagi maksud hendak memasukkan lain-lain syarat yang berlainan kehendaknya itu adalah menyalahi peraturan. Adapun jalan yang betul bagi berbuat yang demikian itu ialah dihapuskan fasal itu dan dicadangkan suatu fasal baharu bagi menggantikannya.
- (2) Pengerusi boleh enggan mencadangkan sesuatu pindaan yang pada fikirannya mengandungi perkara karut.

67. Masa menimbang pindaan-pindaan mengenai fasal baharu.

Apa jua fasal baharu yang dicadangkan itu hendaklah ditimbang selepas daripada selesai ditimbang segala fasal-fasal di dalam rang Undang-undang itu dan sebelum daripada ditimbang akan apa jua jadual yang ada kepada rang Undang-undang itu.

Dengan syarat iaitu suatu fasal baharu yang dicadangkan untuk mengganti suatu fasal yang telah tidak dipersetujui itu boleh ditimbang sebaik-baik sahaja ditolak fasal yang telah dipersetujui itu.

68. Mendapatkan keputusan.

Sekiranya tidak ada apa-apa pindaan dicadangkan kepada sesuatu fasal itu maka Pengerusi hendaklah mendapatkan keputusan “Iaitu fasal ini menjadi sebahagian daripada rang Undang-undang itu”. Sekiranya fasal itu dipinda maka hendaklah ia mendapatkan keputusan “Iaitu fasal ini sebagaimana yang telah dipinda itu menjadi sebahagian daripada rang Undang-undang itu”.

69. Jadual-jadual.

Dikecualikan ada perintah-perintah lain daripada Pengerusi maka perkara menimbangkan jadual atau jadual-jadual jika ada, hendaklah dijalankan selepas daripada menimbangkan fasal-fasal itu. Jadual-jadual itu hendaklah dikemukakan oleh Jurutulis Dewan Negeri dan boleh dipinda dan boleh ditambah jadual-jadual baharu dengan sama kaedahnya sebagaimana yang ditetapkan kerana fasal-fasal itu.

70. Tangguhan.

Sekiranya sesuatu rang Undang-undang itu belum habis ditimbangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa maka dengan didatangkan rundingan bolehlah perkara itu ditangguhkan sehingga Persidangan Dewan Negeri yang akan datang atau yang terkemudian daripada itu.

71. Membahaskan butir-butir sahaja.

Dasar-dasar rang Undang-undang itu tidak boleh dibahaskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu melainkan butir-butirnya sahaja.

72. Pindaan-pindaan dibawa dengan izin.

Setelah sesuatu rang Undang-undang itu ditimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa tetapi sebelum berbalik semula kepada persidangan mesyuarat Dewan Negeri maka seseorang ahli dengan izin jawatankuasa boleh mencadangkan sesuatu pindaan kepada apa-apa jua fasal yang sudah diluluskan itu.

73. Menamatkan peringkat Jawatankuasa.

Apabila sesuatu rang Undang-undang itu telah selesai ditimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa maka Dewan Negeri hendaklah menyambung semula persidangannya dengan tiada payah mendapatkan keputusan.

74. Memaklumkan kepada Dewan Negeri.

Apabila sesuatu rang Undang-undang itu telah selesai ditimbangkan dalam mesyuarat jawatankuasa maka ahli yang membawa rang Undang-undang itu hendaklah memaklumkan kepada Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu bahawa rang Undang-undang itu telah ditimbangkan dalam mesyuarat jawatankuasa dan telah dipinda atau telah dipersetujukan dengan tiada apa-apa pindaan, menurutlah halnya masing-masing.

75. Rujuk semula.

Sesuatu rang Undang-undang yang telah dimaklumkan kepada Dewan Negeri itu boleh dirujuk semula bagi dipinda lagi.

76. Merujuk kepada jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa.

Sesuatu rang Undang-undang itu boleh dirujuk kepada sesuatu jawatankuasa pilihan atau kepada lain-lain jawatankuasa pada sebarang peringkat termasuk sekali tatkala rang Undang-undang itu ada di dalam timbangan jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri dan perkara yang dirujuk kepada jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa itu ialah sama ada berkenaan dengan kesemua sekali rang Undang-undang itu atau hanya fasal-fasal yang tertentu sahaja.

77. Peraturan dalam perkara merujuk kesemua sekali rang Undang-Undang kepada sebuah jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa.

Sekiranya kesemua sekali rang Undang-undang itu dirujuk maka peraturan yang di bawah ini hendaklah diikuti :

(1) Penyata jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan satu naskhahnya hendaklah dibahagikan kepada tiap-tiap seorang ahli Dewan Negeri sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat Dewan Negeri (dikecualikan di dalam perkara-perkara yang mustahak disegerakan). Hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya sehari terlebih dahulu akan maksud hendak membawa runding supaya diterima akan penyata itu.

(2) Jika rang Undang-undang itu dipinda oleh jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa maka segala pindaan-pindaan yang telah dicadangkan itu hendaklah disebutkan di dalam penyata jawatankuasa itu.

(3) Apabila didatangkan sesuatu rundingan supaya dipakai penyata jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain maka hendaklah penyata itu dibahaskan dalam Dewan Negeri akan tetapi jika dengan perintah Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau dengan permintaan lima orang daripada ahli-ahli yang hadir maka rang Undang-undang itu hendaklah dirujuk kepada suatu jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri.

(4) Apabila penyata jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain telah dibahagikan kepada ahli-ahli dalam tempoh yang kurang daripada tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat Dewan Negeri itu maka tidak boleh sekali-kali dibawa rundingan bagi memakai penyata yang tersebut itu melainkan dengan izin Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

78. Merujuk berkenaan dengan fasal-fasal yang tertentu.

Sekiranya perkara-perkara yang dirujuk itu adalah berkenaan dengan fasal-fasal yang tertentu sahaja maka penyata jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain hendaklah dibahaskan dalam Dewan Negeri dengan diberitahu tidak kurang daripada sehari lebih dahulu akan rundingan supaya dipakai penyata itu. Setelah itu rang Undang-undang itu sama ada pada masa itu juga atau pada satu masa lain yang ditentukan hendaklah dirujuk atau dikembalikan kepada jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu.

79. Rundingan bagi bacaan kali yang ketiga.

Apabila sesuatu rang Undang-undang itu sudah dimaklumkan oleh jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri sama ada mengandungi pindaan atau tidak atau sudah dimaklumkan kepada Dewan Negeri oleh suatu jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain dan penyata itu telah dipakai bagaimana yang dipersyaratkan dalam Peraturan 77 maka perkara ini bolehlah didapatkan keputusan dengan didatangkan rundingan dan disokong sama ada pada masa itu juga atau pada suatu masa selepas daripada itu iaitu rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

80. Pindaan dalam bacaan kali yang ketiga.

Sekiranya pada bacaan kali yang ketiga bagi rang Undang-undang itu ada sebarang ahli bermaksud hendak meminda atau menghapuskan sebarang syarat yang terkandung di dalam rang Undang-undang itu atau hendak memasukkan suatu syarat baharu maka bolehlah ia membawa runding iaitu rang Undang-undang itu dirujukkan semula dan jika rundingan itu dipersetujukan maka sebarang perubahan yang dicadangkan itu bolehlah dibahaskan dalam jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu. Selepas itu bolehlah Dewan Negeri bersidang semula dan rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

81. Pindaan-pindaan biasa.

Sebarang pindaan yang pada fikiran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu ialah pindaan biasa sahaja atau kerana tersalah tulis atau seumpamanya bolehlah diperbuat sebelum dibaca rang Undang-undang itu bagi kali yang ketiga dengan tiada payah dirujukkan semula rang Undang-undang itu.

82. Bacaan kali yang ketiga.

(1) Jika rundingan bagi bacaan kali yang ketiga itu diluluskan maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah membacakan nama ringkas rang Undang-undang itu dan pendahuluannya, jika ada, dan fasal mengundang-undang Undang-undang itu.

(2) Jika rundingan bagi bacaan kali yang ketiga itu tidak diluluskan maka rang Undang-undang itu hendaklah disifatkan sebagai ditolak.

83. Menarik balik rundingan-rundingan atau pindaan-pindaan.

Apabila sesuatu rundingan atau pindaan telah dicadangkan maka bolehlah rundingan atau pindaan yang tersebut itu ditarik balik dengan permintaan ahli yang membawanya itu iaitu jika tiada suatu suara pun membantah bila Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi, menurutlah halnya masing-masing, bertanya adakah Dewan Negeri atau jawatankuasa itu, suka supaya rundingan atau pindaan itu ditarik balik.

84. Menarik balik Rang Undang-undang.

Apabila sudah sampai masanya di dalam susunan perkara-perkara mesyuarat bagi membahaskan sebarang peringkat bagi sesuatu rang Undang-undang itu maka bolehlah ahli yang membawa rang Undang-undang itu dengan tidak payah memberitahu lagi membuat suatu rundingan supaya rang Undang-undang itu ditarik balik.

MEMPERKENANKAN RANG UNDANG-UNDANG

85. Rang Undang-undang disembahkan bagi diperkenankan.

Sesuatu rang Undang-undang itu apabila telah diluluskan hendaklah disembahkan kepada Raja bagi memperkenankannya.

PEMASYHURAN

86. Pemasyhuran dalam Warta Kerajaan.

Tiap-tiap Undang-undang itu hendaklah dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan* dengan seberapa segera yang boleh selepas daripada sudah diperkenankan akan dia oleh Raja. Pada bila-bila masa jua pun sebelum diperbuat akan pemasyhuran yang tersebut itu maka bolehlah Penasihat Undang-Undang Negeri membetulkan segala kesalahan berkenaan dengan jalan bahasa atau perkataan-perkataan yang tersalah cap di dalam Undang-undang itu atau berkenaan dengan rujuk silang (cross-references) atau noktah atau peringatan-peringatan di rusuk surat Undang-undang itu dan bagi apa-apa jua maksud yang tersebut itu bolehlah ia menambah, memotong atau mengubahnya.

HAK PERSENDIRIAN

87. Hak-hak persendirian.

(1) Jika sesuatu rang Undang-undang yang belum selesai itu ada mengenai faedah-faedah persendirian dan orang yang mempunyai faedah-faedah yang tersebut itu memohon dengan surat rayuan hendak memberi keterangan sama ada dengan sendirinya atau dengan Peguamnya memohon supaya diperiksa saksi-saksi atas perkara rang Undang-undang itu maka bolehlah diperbuat suatu ketetapan dengan didatangkan rundingan oleh seorang ahli supaya membenarkan pemohon-pemohon itu memberi keterangan di dalam Dewan Negeri atau di hadapan jawatankuasa pilihan atau lain-lain jawatankuasa bagi Dewan Negeri itu dengan syarat surat rayuan itu telah diterima oleh Jurutulis Dewan Negeri sebelum rang Undang-undang itu diluluskan bagi bacaan kali yang ketiga.

(2) Selain daripada perkara atau cara yang tersebut di atas ini maka sebarang orang luar tidak boleh sekali-kali dibenarkan memberi keterangan sama ada dengan sendirinya atau dengan Peguamnya.

88. Pemeriksaan saksi-saksi.

Apabila dikehendaki diperiksa saksi-saksi maka ahli atau orang-orang yang membuat rayuan yang berkehendakkan saksi-saksi itu hendaklah memberi kepada Jurutulis Dewan Negeri satu senarai nama-nama dan tempat kediaman saksi-saksi yang tersebut itu lebih dahulu daripada hari yang ditetapkan bagi pemeriksaannya dan di dalam pemeriksaannya itu keterangan-keterangan daripada tiap-tiap seorang saksi yang tersebut itu hendaklah diambil dan disain oleh saksi-saksi itu.

AHLI-AHLI TIADA BOLEH HADIR SEBAGAI PEGUAM

89. Ahli-ahli tiada boleh hadir sebagai Peguam.

Tiada seorang pun Ahli Dewan Negeri boleh dibenarkan hadir di hadapan Dewan Negeri sebagai seorang Peguam dalam sebarang perkara yang hendak ditimbang oleh Dewan Negeri itu.

RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN

90. Makna rang Undang-undang Persendirian.

Rang Undang-undang persendirian itu ialah suatu rang Undang-undang bagi kepentingan atau faedah yang tertentu untuk diri seseorang atau sesebuah Persekutuan atau Lembaga atau dengan sebabnya hak-hak persendirian atau harta seseorang atau sesebuah Persekutuan atau Lembaga itu boleh menepati bersabit dengannya tetapi tidaklah termasuk sebarang rang Undang-undang yang dizahirkan oleh Kerajaan.

91. Kecualian.

Dikecualikan ada lain-lain syarat yang dipersyaratkan di dalamnya maka sesuatu Undang-undang Negeri yang bukan diperbuat sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dan yang dimaksudkan bagi mengenai atau memberi faedah kepada diri seseorang atau sesebuah Persekutuan atau Lembaga yang tertentu itu tidak boleh sekali-kali menyentuh hak-hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau hak-hak Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Waris-Waris gantinya atau hak-hak bagi Yang Terutama Gabenor-Gabenor bagi Pulau Pinang dan Melaka atau hak-hak bagi sebuah badan siasah atau Lembaga atau hak-hak bagi sebarang orang lain.

92. Rang Undang-undang Persendirian yang mengenai hak-hak persendirian.

Apabila sesuatu rang Undang-undang persendirian yang dicadangkan itu harus menyentuh dengan tepat akan hak-hak persendirian atau harta seseorang atau Syarikat maka segala pihak yang berkenaan hendaklah diberitahu akan hal keadaan dan tujuan-tujuan am rang Undang-undang yang tersebut itu dengan mengiklankan di dalam *Warta Kerajaan* yang disiarkan sebulan lebih dahulu daripada dibentangkan akan surat-surat rayuan bagi menzahirkan rang Undang-undang yang tersebut itu; dan iklan yang tersebut itu hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya dua kali dalam *Warta Kerajaan* sebelum dibentangkan surat rayuan yang tersebut itu.

93. Membentangkan Surat Rayuan.

(1) Sesuatu rang Undang-undang persendirian itu tidak boleh sekali-kali dizahirkan dikecualikan jika ada surat rayuan daripada Penaja-Penajanya yang menerangkan hal keadaan dan tujuan rang Undang-undang itu dan menyatakan dengan jelas akan sebab-sebab yang difikirkannya munasabah.

(2) Surat rayuan itu hendaklah dibentangkan dengan diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri dan hendaklah dibacakan dalam mesyuarat biasa yang pertama bagi Dewan Negeri itu sesudah surat rayuan yang tersebut itu diserahkan dan selepas itu Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah, sebelum menyeru ahli-ahli yang telah memberitahu hendak membawa rundingan itu, mendapatkan keputusan bahawa Penaja-Penaja itu dibenarkan menjalankan cadangannya.

94. Rang Undang-undang diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri.

Apabila telah diberi kebenaran boleh menjalankan cadangannya itu maka satu salinan rang Undang-undang itu hendaklah diserahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri dalam tempoh enam bulan kemudian daripada telah diberi kebenaran itu dan tatkala menyerahkan rang Undang-undang yang tersebut itu maka Penaja-Penaja itu hendaklah menunjukkan surat akuan yang ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri mengakukan iaitu sebanyak Seribu Ringgit, atau suatu jumlah yang kurang daripada itu sebagaimana yang telah dipersetujukan dengan bertulis oleh Pegawai Kewangan Negeri, bagi menyempurnakan belanja-belanja iklan dan cap-mengecap itu telah diamanahkan di Pejabat Perbendaharaan dan satu ikatan jamin telah diperbuat oleh dua orang yang sanggup membayar kepada Jurutulis Dewan Negeri akan sebarang jumlah yang melebihi daripada jumlah wang amanah yang dikehendaki kerana perbelanjaan yang tersebut itu apakala dituntut akan dia.

95. Rang Undang-undang memberi kuasa membuat kerja-kerja raya.

Berkenaan dengan sesuatu rang Undang-undang persendirian yang memberi kuasa membuat kerja-kerja raya maka sebelum Penaja-Penaja itu dibenarkan menjalankannya hendaklah mereka itu mengamanahkan kepada Jurutulis Dewan Negeri akan satu peranggaran belanja kerana kerja-kerja itu yang ditandatangani oleh orang yang membuatnya dan mereka itu hendaklah juga mengamanahkan di Pejabat Perbendaharaan akan suatu jumlah wang yang tidak kurang daripada empat peratus daripada jumlah peranggaran yang tersebut itu dan di dalam tiap-tiap rang Undang-undang yang demikian itu hendaklah dimasukkan suatu fasal yang menyatakan bahawa

sekiranya kerja-kerja yang telah diberi kuasa membuatnya itu tidak siap dalam tempoh yang ditetapkan di dalam rang Undang-undang yang tersebut itu maka wang yang telah diamanahkan itu hendaklah terlucut haknya.

96. Bacaan kali yang pertama.

Jurutulis Dewan Negeri hendaklah melihatkan supaya rang Undang-undang yang telah diserahkan kepadanya itu dicap dan dipekelilingkan kepada ahli-ahli dan dimasyhurkan di dalam *Warta Kerajaan* dan pada persidangan Dewan Negeri yang pertama yang diadakan tidak kurang daripada empat belas hari selepas daripada rang Undang-undang yang tersebut itu dimasyhurkan maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu, jika ia puas hati bahawa iklan-iklan yang dikehendaki oleh Peraturan 92 itu telah dimasyhurkan, hendaklah mendapatkan keputusan iaitu rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang pertama dengan tidak dibenarkan dibahaskan akan dia. Setelah rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang pertama maka Penaja-Penaja bolehlah membuat sebarang pindaan yang difikirkannya munasabah akan tetapi jika pada fikiran Jurutulis Dewan Negeri bahawa pindaan-pindaan itu terkeluar daripada kawasan surat rayuan kerana mengadakan rang Undang-undang itu maka hendaklah ia memaklumkan fikirannya kepada Dewan Negeri.

97. Bacaan kali yang kedua.

Sekiranya rang Undang-undang itu diperintahkan dibaca bagi kali yang pertama maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat hendaklah di dalam mesyuarat Dewan Negeri yang akan datang itu mendapatkan keputusan supaya rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang kedua dikecualikan jika ada lain-lain perintah diperbuat oleh Dewan Negeri. Sekiranya bacaan kali yang kedua itu telah dipersetujui maka rang Undang-undang itu hendaklah dirujuk kepada suatu jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri itu atau suatu jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain mengikut bagaimana yang ditetapkan oleh Dewan Negeri:

Dengan dipersyaratkan iaitu tiada seorang ahli pun boleh dibenarkan jadi ahli jawatankuasa pilihan atau jawatankuasa lain sehingga ia telah membuat menandatangani suatu ikrar iaitu ia tidak akan mengundi atas sebarang masalah yang harus berbangkit dan yang harus diberi keterangan atasnya dengan tiada mendengar dan menimbangkan lebih dahulu akan keterangan-keterangan yang mengenainya itu.

98. Bagaimana rang Undang-undang boleh dibantah.

Sesiapa jua yang bukan seseorang ahli Dewan Negeri tidak dibenarkan bersuara melawan sebarang rang Undang-undang persendirian melainkan lebih dahulu ia telah memasukkan surat rayuan kepada Jurutulis Dewan Negeri menunjukkan jenis-jenis bantahannya terhadap rang Undang-undang itu sama ada bantahannya itu meliputi kesemua sekali atau sebahagian sahaja daripada pendahuluan atau kepada fasal-fasal yang ada di dalam rang Undang-undang itu dan memohon supaya dibenarkan akan dia bersuara membantah rang Undang-undang itu sama ada oleh dirinya sendiri atau oleh Peguamnya.

99. Jawatankuasa mengambil keterangan pembantah.

Dengan tertakluk kepada syarat-syarat bagi peraturan-peraturan ini maka segala surat-surat rayuan membantah rang Undang-undang itu yang mengandungi permohonan meminta supaya orang-orang yang menghantar rayuan itu dibenarkan memberi keterangan dengan sendirinya atau dengan Peguamnya itu hendaklah dirujuk kepada jawatankuasa dan jawatankuasa itu hendaklah mendengar segala bantahan-bantahan daripada orang-orang yang membantah itu yang difikirkan ada hak bersuara.

100. Peraturan Jawatankuasa.

Jawatankuasa itu hendaklah memeriksa rang Undang-undang itu dan meminda apa-apa yang difikirkannya munasabah dan hendaklah ia menyatakan kepada Dewan Negeri bahawa ia telah memeriksa rang Undang-undang itu dan (jika betul demikian) telah membuat pindaan kepadanya dan hendaklah membuat apa jua akuan-akaun kepada Dewan Negeri (jika ada) mengikut bagaimana yang difikirkannya patut.

101. Bacaan kali yang ketiga.

Apabila selesai sahaja penyata jawatankuasa itu dibentangkan dan dipakai maka hendaklah Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat mendapatkan keputusan supaya rang Undang-undang itu dibaca kali yang ketiga.

102. Belanja-belanja mengecap.

Dengan seberapa segera yang boleh selepas sesuatu rang Undang-undang persendirian itu diluluskan atau ditolak atau ditinggalkan maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah menyediakan suatu kira-kira yang menunjukkan berapa belanja-belanja mengecap dan menyiarkan iklan mengikut sukatan belanja yang ditetapkan oleh Raja dan hendaklah kira-kira itu ditandatangani oleh Jurutulis Dewan Negeri dan dihantarkannya kepada Pegawai Kewangan Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri itu pula jika jumlah dalam kira-kira itu adalah kurang daripada seribu ringgit hendaklah memindahkan jumlah yang tersebut itu daripada wang yang telah diamanahkan sebanyak seribu ringgit itu kepada kira-kira hasil negeri dan membayar balik bakinya itu kepada orang-orang yang telah mengamanahkannya itu atau kepada wasi-wasinya atau kuasa-kuasanya atau ganti-gantinya. Jika kira-kira berkenaan dengan belanja-belanja cap-mengecap dan menyiarkan iklan itu adalah lebih daripada seribu ringgit maka Pegawai Kewangan Negeri hendaklah memindahkan kesemua sekali wang yang telah diamanahkan itu kepada kira-kira hasil negeri dan Jurutulis Dewan Negeri hendaklah mengambil apa jua langkah yang dikehendaki bagi mendapatkan bayaran baki perbelanjaan yang belum berbayar itu.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA
Jawatankuasa Pilihan

103. Lantikan.

Sesuatu jawatankuasa pilihan hendaklah dilantik dengan diadakan rundingan oleh Dewan Negeri dan hendaklah mengandungi sesiapa jua ahli-ahli yang dipilih oleh Dewan Negeri atau oleh jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri.

104. Boleh dilantik pada sebarang peringkat.

Sesuatu jawatankuasa pilihan boleh dilantik oleh Dewan Negeri pada sebarang peringkat mesyuaratnya atau tatkala bersidang di dalam jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri.

105. Pengerusi

Tatkala suatu jawatankuasa pilihan itu dilantik maka bolehlah ditetapkan siapa yang akan jadi Pengerusinya atau bolehlah jawatankuasa itu melantik Pengerusinya sendiri. Sekiranya berlaku kematian atau seseorang ahli itu tiada dapat hadir dengan sebab-sebab yang tiada dapat dielakkan maka bolehlah Speaker dari satu masa ke satu masa melantik seorang ahli Dewan Negeri yang lain menggantikan tempat ahli yang tersebut di dalam jawatankuasa pilihan itu.

106. Cukup-bilang.

Adapun cukup-bilang bagi suatu jawatankuasa pilihan itu ialah tiga orang ahli dikecualikan jika rundingan kerana melantik jawatankuasa itu ada menyebutkan bilangan yang lain daripada yang telah ditetapkan itu.

107. Penyata Jawatankuasa.

Penyata daripada tiap-tiap jawatankuasa pilihan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusinya atau jika ia tiada hadir hendaklah ditandatangani oleh ahli yang pertama mengikut susunan gilirannya dan oleh tiap-tiap seorang ahli jawatankuasa pilihan yang bersetuju dengan isi yang terkandung di dalam penyata itu dan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat atau disempurnakan mengikut bagaimana yang diperintahkan oleh Dewan Negeri.

108. Penyata ahli sedikit.

Sebarang ahli atau ahli-ahli yang tidak bersetuju dengan fikiran yang lebih ramai di dalam jawatankuasa pilihan itu bolehlah mengadakan satu kenyataan yang bertulis menerangkan sebab-sebab mereka tidak bersetuju itu dan kenyataan-kenyataan yang demikian itu jika sempat dihantarkan akan dia hendaklah dikembarkan kepada penyata jawatankuasa pilihan itu.

109. Penyata dibentangkan oleh Pengerusi.

(1) Penyata daripada sesuatu jawatankuasa pilihan itu hendaklah dibentangkan ke dalam Dewan Negeri itu oleh Pengerusinya atau oleh seorang ahli jawatankuasa itu.

Mengisytiharkan Penyata-penyata

(2) Sesuatu jawatankuasa pilihan boleh, jika timbangannya adalah bagi faedah orang ramai, membenarkan supaya diisytiharkan penyatanya itu sebelum dibentangkan di atas Meja Mesyuarat Dewan Negeri dengan syarat iaitu pengisytiharan yang tersebut itu tidak boleh dijalankan sehingga sekurang-kurangnya tiga hari selepas daripada satu naskhah penyata itu sudah dihantarkan kepada tiap-tiap seorang ahli Dewan Negeri.

110. Jawatankuasa Kira-kira Raya.

(1) Hendaklah ada sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kira-kira Raya kerana memeriksa-

(a) kira-kira yang menunjukkan peruntukan wang yang dikurniakan oleh Dewan Negeri bagi membayar perbelanjaan raya;

(b) apa-apa jua kira-kira yang dibentangkan oleh Dewan Negeri mengikut bagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa ini;

(c) Penyata Juruaudit Negara yang dibentangkan dalam Dewan Negeri mengikut kehendak jumlah kata (2) bagi Fasal 107 dalam Perlembagaan Persekutuan;

(d) apa-apa jua perkara-perkara lain yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepada jawatankuasa ini.

(2) Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada enam orang ahli yang akan dilantik dengan seberapa segeranya pada ketika atau selepas dimulakan tiap-tiap Penggal Persidangan Pengerusi dan tiga orang ahli hendaklah menjadi cukup-bilang.

(3) Seorang ahli Dewan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi atau menjadi ahli jawatankuasa ini semasa ia menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(4) Jawatankuasa ini hendaklah mempunyai kuasa boleh memanggil orang-orang hadir di hadapannya atau minta segala surat dan rekod-rekod yang bersangkutan-paut dengan kira-kira atau perkara yang sedang diperiksa itu.

(5) Juruaudit Negara atau wakilnya hendaklah hadir di dalam tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa ini dan hendaklah ia berhak boleh memberi keterangan-keterangan sama ada ia sendiri memberinya atau menerusi wakilnya dan dengan izin Pengerusi boleh menyoal sesiapa jua yang dijemput hadir di hadapan jawatankuasa ini.

- (6) Jawatankuasa ini hendaklah membuat penyataannya dari satu masa ke satu masa di dalam kertas mesyuarat yang dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

SYARAT-SYARAT KEWANGAN

111. Peranggaran hasil dan belanja tahunan.

Rang Peranggaran Hasil dan belanja Negeri bagi tahun yang akan datang hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebelum rang Undang-undang peruntukan tahunan dizahirkan di dalam Dewan Negeri.

112. Rang Undang-undang Peruntukan: Jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri.

(1) Pada tiap-tiap tahun hendaklah dizahirkan di dalam Dewan Negeri akan suatu Rang Undang-undang peruntukan yang mengandungi anggaran belanja yang dikehendaki kerana semua kepala-kepala perbelanjaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Fasal 39 bagi Bahagian Kedua dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan supaya dimasukkan ke dalam suatu rang Undang-undang peruntukan kerana tahun kewangan yang akan datang. Butir-butir keterangan berkenaan dengan anggaran belanja yang dikehendaki itu hendaklah ada terkandung di dalam peranggaran hasil dan belanja yang disebutkan dalam Peraturan 111.

(2) Selepas daripada rundingan kerana membaca rang Undang-undang itu bagi kali yang kedua telah dicadangkan dan disokong maka perbahasan terhadap rang Undang-undang itu hendaklah ditangguhkan kepada hari esoknya pada suatu masa yang ditetapkan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu dan apabila perbahasan itu disambung semula maka hendaklah dihadkan akan dia kepada lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran Kerajaan sebagaimana yang disebutkan dalam rang Undang-undang peruntukan dan peranggaran hasil dan belanja itu. Suatu tempoh yang sehabis lamanya tiga hari sahaja hendaklah diuntukkan kerana perbahasan yang disambung semula berkenaan dengan bacaan kali yang kedua itu dan pada pukul 4.00 petang pada hari yang akhir itu atau pada masa yang terdahulu daripada itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker pada hari yang akhir itu maka hendaklah Speaker mengemukakan apa jua soal yang dikehendaki bagi mendapatkan keputusan supaya ditamatkan perbahasan terhadap bacaan bagi kali yang kedua itu.

(3) Apabila rang Undang-undang itu telah dibacakan bagi kali yang kedua maka hendaklah dirujuk akan dia kepada suatu jawatankuasa bagi ke seluruh Dewan Negeri; mesyuarat jawatankuasa ini hendaklah terbuka kepada orang ramai mendengarnya.

(4) Hendaklah diuntukkan suatu tempoh yang sehabis lamanya empat hari sahaja kerana membahaskan peranggaran hasil dan belanja dan rang Undang-undang itu di dalam jawatankuasa. Speaker boleh menguntukkan masa yang sehabis lama sekali yang boleh diberi kerana membahaskan tiap-tiap satu jadual kepada rang Undang-undang itu dan juga tiap-tiap satu fasal dalam rang Undang-undang itu. Sekiranya ada sebarang

jadual atau fasal yang belum diselesaikan pada waktu habisnya masa yang diuntukkan itu maka hendaklah Pengerusi pada masa itu juga mengemukakan apa jua soal yang dikehendaki bagi mendapatkan keputusan terhadap jadual atau fasal yang tersebut itu:

Dengan syarat iaitu Speaker atau Pengerusi boleh, mengikut tadbirnya, melanjutkan lagi masa yang diuntukkan kerana sesuatu jadual atau fasal yang tertentu itu tetapi hendaklah jangan perbahasan dalam jawatankuasa itu memakan masa yang lebih daripada empat hari atau hendaklah jangan kurang masa yang diuntukkan kerana sesuatu jadual atau fasal yang terkemudian daripadanya itu dengan sebab lanjutan masa yang tersebut itu. Jika Speaker tidak ada menguntukkan masa kerana membahaskan semua atau salah satu daripada jadual-jadual atau fasal-fasal itu maka bolehlah Pengerusi menguntukkan masa yang sehabis lama sekali bagi membahaskan yang tersebut itu.

(5) Jadual-jadual kepada rang Undang-undang itu hendaklah diselesaikan terlebih dahulu daripada menyelesaikan fasal-fasal.

(6) Pada masa menimbang sesuatu jadual itu maka Pengerusi hendaklah menyebutkan nama bagi tiap-tiap satu kepala perbelanjaan itu dengan bergilir-gilir mengikut susunannya dan hendaklah ia mencadangkan soal "iaitu jumlah wang sebanyak RM bagi kepala perbelanjaan itu hendaklah jadi sebahagian daripada jadual ini" dikecualikan jika ada pindaan kepadanya itu disebutkan di dalam susunan perkara-perkara mesyuarat bagi hari itu.

(7) Sebarang ahli boleh membawa suatu pindaan kepada jadual itu bagi mengurangkan dengan sebanyak RM akan jumlah wang yang telah diperuntukkan kerana sebarang kepala perbelanjaan mengenai sebarang pecahan perbelanjaan atau butiran yang di dalamnya itu tetapi pindaan itu hendaklah diberitahu sekurang-kurangnya dua hari genap terlebih dahulu daripada kepala perbelanjaan yang tersebut itu dibahaskan.

(8) Apabila ada beberapa pindaan telah dicadangkan kepada sesuatu pecahan perbelanjaan atau butiran itu juga maka pindaan yang berkehendakkan supaya dikurangkan kepada jumlah yang kecil sekali itu hendaklah dicadangkan dahulu dan pindaan yang berkehendakkan supaya dipotong akan pecahan perbelanjaan atau butiran itu hanyalah boleh dicadangkan selepas daripada semua sekali rundingan kerana mengurangkan jumlah-jumlah perbelanjaan itu telah diselesaikan.

(9) Tiada suatu pun pemberitahu rundingan boleh diberi kerana menambahkan jumlah wang yang telah diuntukkan kerana sebarang kepala perbelanjaan itu ataupun pindaan boleh dibawa bagi membolehkan sebarang tambahan yang demikian itu diperlakukan melainkan oleh seorang ahli yang bertanggungjawab kerana menzahirkan rang Undang-undang peruntukan itu dan rundingan atau pindaan yang demikian itu hanyalah boleh diperbuat mengikut syarat-syarat bagi Peraturan 20 (cadangan-cadangan bagi bahasan).

(10) Apabila semua pindaan-pindaan yang ada disebutkan di dalam susunan perkara-perkara mesyuarat bagi hari itu berkenaan dengan sebarang kepala perbelanjaan yang tertentu itu sudah diselesaikan maka Pengerusi hendaklah mencadangkan soal "iaitu jumlah wang sebanyak RM kerana kepala perbelanjaan itu jadi sebahagian daripada jadual ini'.

(11) Apabila soal "iaitu jumlah wang sebanyak kerana kepala perbelanjaan itu jadi sebahagian daripada jadual ini" telah dicadangkan maka perbahasan itu hendaklah dihadkan kepada dasar, bagi perkhidmatan yang hendak diperuntukkan wang kerananya itu dan tidak boleh menyentuh butir-butir perbelanjaan tetapi boleh dirujuk kepada butir-butir berkenaan dengan hasil atau wang yang bertanggung ke atas perkhidmatan itu.

(12) Apabila rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh jawatankuasa maka hendaklah hal itu dengan serta-merta dimaklumkan kepada Dewan Negeri dan suatu rundingan bagi bacaan kali yang ketiga hendaklah pada masa itu juga diperbuat oleh ahli yang disebutkan di dalam jumlahkata (9). Rundingan yang tersebut hendaklah diputuskan dengan tidak dipinda atau dibahaskan.

K.M. No. 10/63

113. Penyata berkenaan dengan pendahuluan-pendahuluan yang diperbuat daripada Kumpulan Wang Pendahuluan. (Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu Bilangan 62 Tahun 1957).

(1) Pada tiap-tiap suatu mesyuarat Dewan Negeri maka adalah menjadi kewajipan Menteri Besar pada membentangkan di dalam Dewan Negeri bagi suatu penyata yang menunjukkan sebarang butiran perbelanjaan yang mustahak dan tiada diketahui lebih dahulu yang telah diberi pendahuluan daripada kumpulan wang pendahuluan mengikut Undang-Undang Peraturan Kewangan Tahun 1957.

(2) Sekiranya seseorang ahli berhajat hendak mendapatkan keterangan berkenaan dengan sebarang butiran perbelanjaan yang terkandung di dalam penyata yang dibentangkan menurut peraturan ini maka hendaklah ia memberitahu dalam suatu tempoh yang munasabah kepada Jurutulis Dewan Negeri berkenaan dengan maksudnya berkehendakkan keterangan-keterangan yang tersebut itu dan tempoh bagi menghantarkan pemberitahu itu hendaklah tidak kurang daripada 24 jam.

114. Rang Undang-undang Peruntukan Tambahan.

Sekiranya didapati di dalam sebarang tahun kewangan itu bahawa jumlah wang yang telah diperuntukkan oleh Undang-undang peruntukan kerana sesuatu pekerjaan itu tiada mencukupi atau bahawa telah didapati mustahak supaya dibelanjakan wang atas sesuatu pekerjaan yang tidak ada diuntukkan wangnya oleh Undang-undang Peruntukan itu atau bahawa wang-wang yang telah dibelanjakan kerana sesuatu pekerjaan itu adalah berlebihan daripada jumlah (jika ada) yang telah diperuntukkan kerana pekerjaan yang tersebut itu oleh Undang-undang Peruntukan maka suatu Rang Undang-undang Peruntukan Tambahan yang menunjukkan jumlah-jumlah wang yang dikehendaki atau yang telah dibelanjakan itu hendaklah dizahirkan di dalam Dewan Negeri dan syarat-syarat bagi Peraturan dan Perintah Tetap Bilangan 112 itu hendaklah dipakai.

MENGUNDI

115. Mengundi

(1) Dikecualikan dalam perkara yang dipersyaratkan dalam Fasal 89 (1) bagi Perlembagaan Persekutuan dan Fasal 5 (7) dalam Bahagian Ketiga bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan maka Dewan Negeri hendaklah mengambil keputusannya jika tidak dengan sebulat suara maka hendaklah mengikut suara yang lebih ramai yang diberi oleh ahli-ahli yang hadir dan mengundi; dan Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah mengundi apabila mustahak berbuat demikian kerana mengelakkan bilangan undi yang sama banyak tetapi ia tidak boleh mengundi di dalam perkara yang lain daripada yang tersebut.

(2) Seseorang ahli tidak boleh sekali-kali mengundi di dalam sebarang perkara yang ia sendiri ada mempunyai faedah kewangan yang tepat di dalamnya (yang lain daripada perkara bayaran mengikut sebarang syarat di dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan) tetapi sesuatu rundingan bagi membatalkan undi seseorang ahli dengan alasan yang tersebut ini hanyalah boleh diperbuat apabila sudah selesai sahaja diisytiharkan bilangan ahli-ahli yang telah mengundi di dalam perkara yang tersebut itu. Sekiranya rundingan bagi membatalkan undi seseorang ahli itu telah dipersetujui maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu hendaklah memerintahkan Jurutulis Dewan Negeri membetulkan bilangan-bilangan orang-orang yang mengundi di dalam bahagian-bahagian yang berkenaan mengikut sebagaimana yang dikehendakkan itu.

116. Peraturan Mengundi.

Apabila Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi membawakan sesuatu perkara bagi mendapatkan keputusan maka bolehlah dijalankan undi dengan suara “bersetuju” dan “tidak bersetuju” dengan mengangkat tangan dan keputusan undi itu hendaklah diisytiharkan oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi. Akan tetapi seseorang ahli yang berkehendakkan undi itu berbahagi bolehlah ia berseru “bahagi” dan dengan seruan yang demikian itu jika pada fikiran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi memadai maka bolehlah diambil undi oleh Jurutulis Dewan Negeri atau oleh Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi sendiri atau oleh penghitung-penghitung undi yang telah dilantik olehnya dengan bertanya kepada tiap-tiap ahli itu bagaimana masing-masing hendak berundi. Undi Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi itu hendaklah diambil pada akhir sekali. Tiap-tiap ahli apabila diseru namanya hendaklah memberikan undinya dengan berkata “bersetuju” atau “tidak bersetuju” ataupun ia boleh berkata “tidak berundi”. Apabila undi-undi itu sudah selesai diambil oleh Jurutulis Dewan Negeri maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi hendaklah mengisytiharkan keputusannya dan Jurutulis Dewan Negeri hendaklah memasukkan undi tiap-tiap ahli itu dalam buku peringatan mesyuarat.

LAIN-LAIN PERKARA

117. Mengisytiharkan keterangan-keterangan.

Keterangan-keterangan yang diambil di hadapan sebarang Jawatankuasa Dewan Negeri dan sebarang surat yang dibentangkan di hadapan jawatankuasa yang tersebut itu yang belum lagi dimaklumkan kepada Dewan Negeri tidak boleh sekali-kali diisytiharkan oleh sebarang ahli jawatankuasa itu atau oleh sesiapa jua orang lain.

118. Mengisytiharkan perkara-perkara yang dimesyuaratkan dalam Dewan Negeri.

Seseorang ahli atau sesiapa jua orang lain tidak boleh sekali-kali mengisytiharkan sebarang penyata atau kenyataan yang boleh disifatkan sebagai satu penyata berkenaan dengan perbincangan-perbincangan atau perkara-perkara yang dimesyuaratkan dalam Dewan Negeri itu apabila perbincangan-perbincangan atau perkara-perkara yang dimesyuaratkan itu telah dijalankan selepas daripada orang-orang luar telah diperintahkan keluar dari Dewan Negeri atau apabila pengisytiharan yang tersebut itu sememangnya telah dilarang oleh Dewan Negeri atau apabila penyata atau kenyataan yang tersebut itu ada mengandungi keterangan-keterangan yang memang dengan sengajanya telah diubah daripada apa yang sebenarnya berlaku terhadap perkara-perkara yang dimesyuaratkan di dalam Dewan Negeri atau terhadap ucapan seseorang ahli yang tertentu atau apabila penyata atau kenyataan itu telah tidak diperbuat atau diisytiharkan dengan betul dan benar oleh ahli atau orang lain yang tersebut itu.

119. Ucapan-ucapan Tangguhan Mesyuarat.

(1) Setelah selesai dibawa suatu rundingan kerana menangguhkan mesyuarat Dewan Negeri pada masa ditamatkan semua kerja-kerja mesyuarat yang lain maka sebarang ahli yang berhak bercakap seperti yang dipersyaratkan kemudian daripada ini bolehlah dengan tertakluk kepada peraturan-peraturan bahas dan peraturan-peraturan berkenaan dengan menepati perkara bahas yang terkandung di dalam Peraturan-peraturan dan Perintah-Perintah Tetap ini berucap kepada Dewan Negeri dalam sebarang perkara yang telah diberitahunya terlebih dahulu kepada Jurutulis Dewan Negeri sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum diadakan mesyuarat itu tetapi berkenaan dengan sebarang ucapan yang merujuk kepada sebarang perkara yang boleh di dalam jajaan Kerajaan Persekutuan maka Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu boleh memerintahkan supaya ucapan itu atau sebahagian daripadanya yang merujuk kepada perkara yang tersebut itu jangan dijawab tetapi dirujuk akan dia kepada Kerajaan Persekutuan dan jawapannya itu dibentangkan di dalam suatu mesyuarat yang akan datang.

(2) Pemberitahu berkenaan dengan ucapan tangguhan mesyuarat itu hendaklah mengandungi butir-butir keterangan yang cukup berkenaan dengan perkara dan isi ucapannya supaya boleh Kerajaan menyediakan jawapannya jika Kerajaan hendak menjawabnya.

(3) Jurutulis Dewan Negeri tidak mustahak memperkelilingkan pemberitahu-pemberitahu yang tersebut itu kepada ahli-ahli dengan tiada mengendahkan sebarang syarat di dalam Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap ini yang berlawanan kehendaknya:

Dengan syarat iaitu hendaklah Jurutulis Dewan Negeri apabila menerima sesuatu pemberitahu yang tersebut itu dengan segera membawakan akan dia kepada pengetahuan Menteri Besar atau jika ia tiada hadir kepada pengetahuan Setiausaha Kerajaan.

(4) Apabila pemberitahu yang tersebut itu adalah diperbuat oleh tidak lebih daripada lima orang ahli mengenai sesuatu mesyuarat itu maka tiap-tiap seorang ahli yang telah memberitahu itu adalah berhak bercakap apabila sudah selesai dibawa rundingan kerana menanggukkan mesyuarat itu.

(5) Apabila pemberitahu yang tersebut itu adalah diperbuat oleh lebih daripada lima orang ahli mengenai sesuatu mesyuarat itu maka Jurutulis Dewan Negeri hendaklah dengan undi bersurat memilih lima orang daripada ahli-ahli yang telah memberitahu itu dan keputusannya hendaklah dimaklumkan kepada semua ahli-ahli yang telah dimasukkan namanya ke dalam undi-undi bersurat itu:

Dengan syarat iaitu seseorang ahli yang sudah bercakap pada masa menanggukkan suatu mesyuarat di dalam sesuatu Penggal Persidangan itu tidak boleh sekali-kali dimasukkan namanya ke dalam sesuatu undi bersurat yang tersebut itu yang diadakan di dalam Penggal Persidangan itu juga sekiranya ada orang-orang yang belum bercakap itu tidak dimasukkan namanya ke dalam undi yang tersebut itu.

Dan dengan syarat iaitu dengan izin Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu maka seseorang ahli yang telah terpilih dengan undi bersurat itu boleh menyerahkan haknya boleh bercakap itu kepada sebarang ahli lain yang telah memberitahu sebagaimana yang tersebut di atas ini.

(6) Tiada seorang ahli pun boleh bercakap di atas suatu rundingan kerana menanggukkan mesyuarat itu lebih daripada sepuluh minit dengan tiada kebenaran Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat itu.

(7) Sebarang ucapan di atas suatu rundingan kerana menanggukkan mesyuarat itu boleh dijawab oleh seseorang ahli bagi pihak Kerajaan.

(8) Ucapan Tangguhan tidaklah boleh dibuat dalam mesyuarat pertama satu-satu Penggal dan dalam mesyuarat di mana Rang Undang-undang Perbekalan ditimbangkan.

120. Kelakuan ahli-ahli yang tidak bercakap.

Di dalam suatu persidangan:

(a) semua ahli-ahli hendaklah masuk atau meninggalkan Dewan Negeri itu dengan hormat;

- (b) tiada seorang ahli pun boleh menyeberang di dalam bilik mesyuarat dengan tidak ada berfasal;
- (c) ahli-ahli tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, warkah-warkah atau lain-lain surat dikecualikan jika perkara-perkara yang di dalam surat-surat khabar, buku-buku, warkah-warkah atau lain-lain surat yang tersebut itu ada berkait dengan perkara yang sedang dibahaskan itu;
- (d) tiada seorang ahli pun boleh merokok di dalam bilik mesyuarat;
- (e) apabila seseorang ahli sedang bercakap semua ahli-ahli yang lain hendaklah diam dan hendaklah jangan mengganggu cakap orang dengan tidak berfasal.

121. Memberhentikan sementara Perintah-perintah Tetap.

- (1) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri boleh diberhentikan sementara dengan suara yang lebih ramai daripada ahli-ahli yang hadir di dalam sesuatu persidangan di atas suatu rundingan yang diperbuat dengan pesertaan Speaker atau ahli yang mengetuai mesyuarat atau Pengerusi dengan tiada payah diberitahu lebih dahulu.
- (2) Sekiranya rundingan itu diluluskan maka Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap itu hendaklah diberhentikan sementara selama yang terwajib bagi menyempurnakan tujuan yang menyebabkan rundingan itu diperbuat.
- (3) Sesuatu rundingan yang demikian itu tidak boleh dibahas.

122. Perjalanan mesyuarat atas rang Undang-undang dan Rundingan-rundingan dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap dan beberapa Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain hendaklah kekal memegang jawatannya dengan tiada mengendahkan pemberhentian Dewan Negeri.

Dengan tiada mengendahkan pemberhentian Dewan Negeri-

- (i) Perjalanan mesyuarat atas suatu rang Undang-undang atau rundingan yang tidak diluluskan dalam masa Penggal Persidangan yang rang Undang-undang atau rundingan yang tersebut itu telah dibawa ke dalamnya itu boleh disambung semula hanyalah di dalam Penggal Persidangan yang berikut kemudian daripadanya sahaja;
- (ii) Tiap-tiap Jawatankuasa tetap itu hendaklah kekal memegang jawatannya sehingga suatu jawatankuasa lain telah dilantik bagi menggantikannya atau sehingga Dewan Negeri itu sudah dimansuhkan.
- (iii) Suatu jawatankuasa yang tidak dihadkan tempoh jawatannya pada masa dilantik akan dia itu hendaklah kekal memegang jawatannya sehingga siap sempurna pekerjaan yang menyebabkan dilantik akan dia itu atau sehingga Dewan Negeri itu sudah dimansuhkan.

123. Pegawai-Pegawai Kerajaan mengambil bahagian di dalam perjalanan mesyuarat.

Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri boleh mengambil bahagian di dalam perjalanan-perjalanan mesyuarat Dewan Negeri sebagaimana yang dipersyaratkan oleh Fasal 6 bagi Bahagian Kedua dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan.

124. Cara-cara yang dipakai dalam Dewan Rakyat.

Di dalam sebarang perkara yang tidak ada dipersyaratkan oleh Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap ini maka cara-cara dan peraturan-peraturan yang dipakai di dalam Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu hendaklah diikuti dengan seberapa hampir yang boleh.

125. Pakaian.

(1) Ahli-ahli lelaki hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, atau *lounge suit*; ahli-ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakaian kebangsaan, sarung dan blaus berlengan panjang, atau skirt yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berlengan panjang; dan semua ahli boleh juga memakai pakaian istiadat, atau apa-apa pakaian lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Speaker.

(2) Speaker Dewan boleh mengarahkan mana-mana ahli yang tidak berpakaian sebagaimana yang sepatutnya keluar daripada Dewan.

126. Berjalan Kuatkuasanya.

Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap ini hendaklah membatalkan dan menggantikan sebarang Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Negeri yang terdahulu dan hendaklah berjalan kuatkuasanya pada sehari bulan Mei, 1960.

Diperbuat oleh Dewan Negeri pada 30 hari bulan April, 1960 mengikut syarat-syarat bagi Fasal 27 (1) dalam Bahagian Kedua bagi Undang-undang Tubuh Kerajaan Tahun 1895.

ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN,
Jurutulis Dewan Negeri,
Johor